AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN tiada sama antara dua laut, yang ini tawar, segar, sedap diminum dan yang lain masin lagi pahit. Dan dari masing-masing laut itu kamu dapat memakan daging yang segar dan kamu dapat mengeluarkan perhiasan yang dapat kamu memakainya, dan pada masing-masingnya kamu lihat kapal-kapal belayar membelah laut supaya kamu dapat mencari kurnianya supaya kamu bersyukur".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Faathir, ayat 12.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 131 | 2 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأول 22 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

BERANGKAT KE MAJLIS MERAIKAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN, HARI PUJA USIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang Ke-80 Tahun. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 hingga 5*)

Lawatan menekankan kepentingan pendidikan inklusif, mudah diakses

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 31 Oktober. - Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Presiden Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi tahun 2025-2027, telah menamatkan Lawatan Kerja ke Bangkok, Thailand, dari 29 hingga 30 Oktober 2026.

>> Muka 6

Memperkukuh tadbir urus, kepimpinan, memajukan pendigitalan, inovasi

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Sabtu, 31 Oktober. - Sebagai salah satu pengisian utama Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33, Tahun 2026, Forum Khas Perkhidmatan Awam 2026 telah berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mengangkat tema 'Transformasi Perkhidmatan Awam, Inspirasi Raja Dijulang', forum ini mengetengahkan peranan Perkhidmatan Awam dalam menjunjung aspirasi dan kepimpinan raja melalui pemerkasaan tadbir urus, peningkatan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan serta pelaksanaan perubahan transformatif ke arah Perkhidmatan Awam yang lebih progresif, tangkas dan responsif terhadap keperluan serta cabaran masa hadapan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 7

Pesta Tamu Santai Jati Kampung Merangking rangsang aktiviti jualan penduduk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

MERANGKING, Ahad, 1 November. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Merangking dengan kerjasama Jawatankuasa Tamu Jati Kampung Merangking telah menganjurkan Pesta Tamu Santai Jati Kampung Merangking yang berlangsung di Tamu Jati Kampung berkenaan, di hadapan Balai Ibadat Kampung Merangking.

>> Muka 9

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



SEMAI nilai ketaatan, kesetiaan kepada pemimpin
Muka 8



KEMAHIRAN mengeja diperkukuh, penguasaan bahasa Inggeris ditingkatkan
Muka 10



CUACA diramal aktif sehingga 7 November
Muka 13



DAYANGKU Siti Ummi Syazana qariah muda mengharumkan Kalamullah
Muka 20

Amanah, integriti penjawat awam menjamin kecemerlangan pentadbiran negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 Tahun 2026 pada Khamis, 29 Oktober 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya jua dapatlah kita berhimpun di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33, Tahun 2026 pada pagi ini.

Tema baharu yang dipilih iaitu 'Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif'. Tema ini bukan sekadar slogan tetapi satu pengiktirafan tentang hubungan rapat di antara kepimpinan beraja dengan Perkhidmatan Awam di negara ini.

Ianya juga terjemahan kepada asas membentuk kestabilan dan kemajuan negara, berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja sebagai cara hidup, cara berfikir dan cara kita mentadbir dalam kehidupan seharian.

Malah keamanan dan kestabilan yang kita nikmati hari ini adalah berasaskan keyakinan bahawa setiap penjawat awam memahami jawatan mereka bukan semata-mata pekerjaan, tetapi amalan yang dipertanggungjawabkan oleh raja dan negara.

Dalam dunia yang semakin terbuka, kedaulatan sesebuah negara tidak lagi diukur berdasarkan pertahanan fizikal tetapi melalui kekuatan dan keberkesanan pentadbirannya. Oleh itu, Perkhidmatan Awam diibaratkan sebagai benteng kedaulatan.

Ini kerana, apabila seorang penjawat awam menjalankan tugas dengan jujur dan adil, maka bermakna dia mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman rasuah, penyalahgunaan kuasa dan keruntuhan institusi.

Alhamdulillah, penghayatan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik telah terbukti menerusi pencapaian terbaik negara setakat ini dalam Corruption Perceptions Index (CPI) tahun 2025 terbitan Transparency International yang meletakkan negara pada kedudukan ke-31 daripada 182 buah negara di dunia dan kedua tertinggi di ASEAN selepas Singapura.

Dari sudut mendukung kepimpinan pula, penjawat awam hendaklah menjadikan setiap arahan, hasrat dan wawasan pemimpin sebagai pedoman yang perlu diterjemahkan ke dalam dasar, program dan tindakan yang bersepadu.

Sokongan terhadap kepimpinan bukan sekadar retorik atau simbolik, sebaliknya mesti terpancar melalui kesungguhan kerja dan ketepatan pelaksanaan di setiap peringkat perkhidmatan.

Jangan hanya setakat mendengar, tetapi perlu melaksanakannya dan jangan juga sekadar setuju tetapi perlu menyempurnakannya. Kita semua perlu menyedari bahawa ketika zaman berubah, cabaran orang ramai juga turut berubah dan malah cara kita berkhidmat juga perlu berubah.

Perubahan ini bukan bermakna kelemahan sistem yang sedia ada, sebaliknya bukti kematangan sesebuah negara. Di sinilah Perkhidmatan Awam selaku peneraju transformasi perlu berubah bentuk dan karakter tanpa mengkompromi objektif terasnya untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan mantap serta bermakna kepada masyarakat.

Namun dalam menerajui transformasi ini, sama ada digitalisasi, penambahbaikan penyampaian perkhidmatan, mahupun pembangunan modal insan, kita adalah perlu sentiasa kembali kepada persoalan asas iaitu adakah perkhidmatan kita telah benar-benar memudahkan kehidupan rakyat dan menzahirkan kesetiaan terhadap raja dan negara?

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	ISNIN	22	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
3	SELASA	23	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
4	RABU	24	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	KHAMIS	25	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	JUMAAT	26	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
7	SABTU	27	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	AHAD	28	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	33 24 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	29 24 °C	32 25 °C	31 25 °C
Pekan Tutong	33 24 °C	33 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 2 NOVEMBER 2026

Berbakti kepada bumi

RAKYAT di Negara Brunei Darussalam menyedari kepentingan pertanian, penternakan dan juga pertanian untuk keterjaminan makanan dan prospek sektor ini dalam dekad seterusnya dilihat positif meskipun menghadapi pelbagai cabaran.

Setakat ini jumlah pengusaha yang berkecimpung dalam industri pertanian dan perikanan adalah sebanyak lebih kurang 7,000 pengusaha, lebih kurang 100 pengusaha dari keseluruhan jumlah tersebut adalah golongan dari belia.

Pelbagai faktor telah dikenal pasti yang menyumbang kepada persepsi negatif generasi muda terhadap pertanian terutama aktiviti pertanian tradisional yang sering dianggap membosankan dan kurang menarik. Pandangan ini diperkuatkan lagi oleh cara pertanian lama yang diwarisi generasi terdahulu, menjadikan sektor ini dilihat berstatus rendah dalam kalangan belia. Walau bagaimanapun, terdapat potensi besar untuk mengubah pandangan belia terhadap industri pertanian melalui pendekatan yang lebih inovatif dan relevan. Pertanian moden yang menggunakan teknologi terkini seperti pertanian pintar, automasi dan inovasi hijau, boleh menjadi faktor penarik kepada generasi muda yang cenderung memilih kerjaya berteknologi tinggi dan dinamik.

Tetapi pada hari ini, kita melihat belia-belia pada masa ini tidak segan-silu untuk turun tangan berkecimpung dalam dunia pertanian, penternakan dan perikanan. Ini mungkin mereka sudah dapat menilai potensi yang ada dalam bidang-bidang tersebut dapat meningkatkan taraf hidup malah boleh membantu belia lain jika sudah berjaya dan bertapak teguh dalam bidang-bidang tersebut. Kebolehan para belia untuk meneroka peluang dalam pertanian, penternakan dan perikanan akan lebih bermakna dengan adanya kepakaran dalam bidang teknologi untuk menjadikan bidang tersebut lebih canggih dan produktif.

Dengan adanya usaha menjadikan sektor pertanian lebih menarik kepada generasi muda yang celik teknologi serta berpotensi dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran secara lebih efisien untuk memenuhi keperluan tempatan dan pasaran eksport dan menarik lebih ramai lagi belia-belia untuk berkecimpung dalam dunia pertanian, penternakan dan perikanan walaupun tidak bekerja di bilik yang berhawa dingin.

Pengusaha-pengusaha yang ada pada masa ini juga memainkan peranan penting dalam memupuk minat anak-anak mereka untuk meneruskan usaha berkecimpung dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan. Justeru kejayaan dalam bidang ini dapat menyuntik semangat mereka untuk berbakti kepada bumi seperti yang dibuat oleh orang tua mereka.

Apa yang penting berbakti kepada bumi sekurang-kurangnya menukar persepsi dan mentaliti anak muda. Setentunya apa yang diusahakan dapat menyara kehidupan diri sendiri, keluarga dan sekali gus membantu ekonomi negara. Berbakti kepada tanah memang memuaskan jika mendatangkan hasil produktiviti yang lumayan.

Bagi memastikan kelestarian dunia pertanian, penternakan dan perikanan di negara ini terus berkembang, pelbagai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan serta sokongan rakyat akan dapat meningkatkan ekonomi negara tanpa bergantung kepada negara lain.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan, Hari Puja Usia





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang Ke-80 Tahun (atas, kanan dan bawah).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambah (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Manakala gambar bawah tengah dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang Ke-80 Tahun. Majlis berlangsung di Dewan Bankuet, Istana Nurul Iman.

Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang Ke-80 Tahun ini merupakan satu detik penting dalam menghargai kewibawaan serta sumbangan baginda berdua yang tidak ternilai kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rakyatnya. Kepimpinan baginda berdua, komitmen terhadap kesejahteraan rakyat serta usaha dalam memelihara keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara terus menjadi sumber inspirasi kepada rakyat NBD.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

>> Muka 4







PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang Ke-80 Tahun dan menadah tangan ketika doa dibacakan (atas dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, antara yang berangkat pada majlis berkenaan.

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berserta isteri masing-masing.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan sebelum disembahkan dengan Pesambah Kek sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan dan Ulang Tahun Hari Puja Usia serta dua buah pesambah daripada Jawatankuasa Majlis, antaranya sebuah Buku Khas bertajuk 'Raja dan Permaisuri : Legasi Diraja' yang mengabadikan kehidupan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, dengan mengetengahkan peranan baginda berdua dalam memacu pembangunan negara, memelihara agama Islam, menjaga kebajikan rakyat serta mengukuhkan identiti Melayu Islam Beraja.

Peranan dan jasa baginda berdua akan terus terpahat dalam lembaran sejarah serta menjadi sebahagian daripada perkembangan NBD, sekali gus menjadi sumber inspirasi dan teladan kepada generasi kini dan akan datang dalam usaha mempertahankan dan memajukan negara yang tercinta ini.

Pada majlis berkenaan, Doa Khas dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; diikuti sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam sembah alu-aluannya merafakkan sembah menjunjung kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas perkenan baginda berdua berangkat menyerikan Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan dan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah DYMM - Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, iaitu sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat yang dikurniakan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Dalam sembah Yang Berhormat turut menzahirkan penghargaan terhadap lapan dekad usia baginda berdua bukan sahaja mencerminkan perjalanan kehidupan yang panjang lagi penuh keberkatan, sarat dengan pengalaman, ketabahan, kebijaksanaan dan himpunan kenangan yang berharga, bahkan turut menjadi lambang segala jasa, pengorbanan dan limpah kasih sayang yang telah dicurahkan kepada rakyat dan penduduk serta NBD yang tercinta.

"Alhamdulillah, di bawah naungan dan pemerintahan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik, NBD terus menikmati keamanan, kestabilan dan kesejahteraan. Sesungguhnya, jalinan erat di antara raja dan rakyat merupakan suatu nikmat dan keistimewaan yang amat berharga, bertaut dalam kasih sayang dan kesetiaan, serta terpelihara dalam keakraban tanpa tembok pemisah.

"Limpah kasih dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa terserlah melalui keberangkatan - keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli bersama rakyat dan penduduk, berkenan meluangkan masa untuk beramah mesra, mendengar sendiri suara hati dan luahan rasa mereka serta memberikan perhatian terhadap kesejahteraan setiap lapisan masyarakat.

"Begitu juga keperibadian mulia dan sifat penyayang Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, yang menjadi sumber inspirasi kepada abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta sekalian rakyat. Keprihatinan dan sumbangan yang tidak pernah putus dalam memelihara kesejahteraan keluarga, menyantuni masyarakat serta memperkasa kaum hawa mencerminkan ketulusan budi dan keluhuran jiwa yang amat disanjung," sembah Yang Berhormat lagi.

>> Muka 5







DOA Khas dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan. Sementara gambar kanan sekali, antara persembahan majlis berkenaan.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah.

>> Muka 4

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan seiring dengan segala jasa bakti tersebut, kelembutan budi dan limpah kasih baginda turut menyentuh lubuk sanubari rakyat jelata. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bukan sahaja seorang permaisuri yang disanjung tinggi, bahkan menjadi lambang kasih sayang yang kekal bersemayam di hati hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta rakyat sekalian.

Majlis turut diserikan lagi dengan tayangan video yang mengetengahkan Buku Khas bertajuk 'The King and the Queen : A Royal Legacy', di samping persembahan syair bertajuk 'Julangan Kasih Dirgahayu 80', persembahan nasyid 'Raja Buah Hati Rakyat' oleh para pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta persembahan muzik khas gabungan orkestra gabungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan belia-belia dari Brunei Youth Symphony.

Turut berangkat dan hadir bagi meraikan majlis berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ketua Hakim Syarie; Ketua Hakim Mahkamah Besar; Ahli-ahli Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja; Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berangkat meninggalkan majlis (atas), manakala gambar kiri, baginda berkenan berbual mesra bersama Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar. Manakala gambar bawah kiri, persembahan muzik khas gabungan orkestra gabungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan belia-belia dari Brunei Youth Symphony. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





PELITA BRUNEI

BERKENAN BERANGKAT SERTAI VA RUN 2026



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyertai VA Run 2026 Powered by Imagine yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Ahad, 1 November. - Kira-kira 2,000 peserta menyertai acara larian tahunan VA Run 2026 Powered by Imagine yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari ini, sekali gus mencatatkan peningkatan penyertaan bagi tahun ketiga penganjurannya sejak diperkenalkan pada 2024.

Dianjurkan oleh Victory Athletes dengan sokongan Imagine Sdn. Bhd. selaku penaja utama, acara berkenaan mempertandingkan empat kategori larian, iaitu 3 kilometer (km), 5km, 10km dan Separuh Maraton sejauh 21km.

Berangkat menyertai acara larian tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang berkenan menyertai larian sejauh 5km.

Penganjuran tahun ini turut menyaksikan penggunaan Stadium Negara Hassanal Bolkiah sebagai lokasi baharu, sekali gus memberikan pengalaman istimewa kepada para peserta apabila berpeluang menamatkan 300 meter terakhir larian masing-masing di atas trek stadium berkenaan.

Pengalaman tersebut membolehkan para peserta daripada setiap kategori merasai detik melintasi garisan penamat di sebuah stadium ikonik negara yang pernah menjadi gelanggang bagi pelbagai acara sukan utama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain mempromosikan kecergasan dan penglibatan komuniti, VA Run 2026 turut meneruskan komitmen kebajikannya menerusi inisiatif #VictoryForOne, dengan memperuntukkan BND1 daripada setiap yuran penyertaan untuk disumbangkan kepada badan kebajikan.

Menerusi penyertaan seramai 2,000 peserta tahun ini, sejumlah BND2,000 akan disumbangkan kepada UnikLearn bagi menyokong usaha dan program yang memberikan manfaat kepada individu serta keluarga dalam masyarakat.

Pada edisi 2025, Victory Athletes telah menyumbangkan sebanyak BND1,700 kepada An-Nur Harapan melalui inisiatif yang sama.

Pengasas Victory Athletes, Muizz Hasnani berkata bahawa sejak penganjuran pertama pada 2024, pihaknya berhasrat untuk menjadikan VA Run sebagai acara larian yang mencapai piawaian antarabangsa, di samping kekal inklusif dan mesra kepada semua lapisan masyarakat.

Menurutnya, peningkatan jumlah penyertaan kepada 2,000 peserta pada tahun ini merupakan perkembangan yang amat bermakna kerana menunjukkan semakin ramai masyarakat menjadikan aktiviti larian dan gaya hidup sihat sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian.

Beliau juga menyifatkan edisi tahun ini sebagai istimewa kerana semua peserta berpeluang menamatkan larian masing-masing di dalam Stadium Negara Hassanal Bolkiah, tanpa mengira kategori yang disertai.

Tambahnya, melalui inisiatif #VictoryForOne, setiap peserta bukan sahaja berpeluang mencapai matlamat kecergasan masing-masing, malah turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada masyarakat.

Victory Athletes juga sedang membuat persiapan bagi penganjuran acara akan datang, termasuk VA Marathon 2027 yang dijangka memperkenalkan Kategori Maraton Penuh sejauh 42.195km di Kuala Belait.

Melalui penganjuran acara seumpamanya, Victory Athletes berharap dapat terus menyumbang kepada usaha mempromosikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi pelancongan sukan, di samping menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.

Ditubuhkan pada tahun 2014, Victory Athletes merupakan sebuah jenama sukan dan gaya hidup tempatan yang komited dalam menyokong para atlet, mempromosikan gaya hidup aktif serta membangunkan acara sukan berasaskan komuniti.

Melalui VA Event Management, jenama ini terus aktif menganjurkan acara larian yang menghimpunkan masyarakat, menggalakkan penglibatan dalam bidang sukan serta menyumbang kepada perkembangan landskap sukan di NBD.



KIRA-kira 2,000 peserta menyertai acara larian tahunan VA Run 2026 Powered by Imagine yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah sekali gus mencatatkan peningkatan penyertaan bagi tahun ketiga penganjurannya sejak diperkenalkan pada 2024.

Lawatan menekankan kepentingan pendidikan inklusif, mudah diakses

>> Muka 1

Lawatan berkenaan merupakan sebahagian daripada siri lawatan berterusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, NBD bagi mengukuhkan kerjasama dalam kalangan Negara-negara Anggota SEAMEO, termasuk Lawatan Hormat ke atas Ahli-ahli Majlis SEAMEO serta lawatan ke Sekretariat, Pusat-pusat Serantau dan Rangkaian SEAMEO.

Semasa di Bangkok, Yang Berhormat terlebih dahulu mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pendidikan Thailand, Tuan Yang Terutama Prasert Jantararuangtong, bagi membincangkan kerjasama dua hala serta cara-cara untuk mempereratkan lagi hubungan pendidikan di antara NBD dengan Thailand.

Perbincangan berkenaan merangkumi keutamaan pendidikan Thailand, pendidikan keperluan khas (terutamanya intervensi awal dalam pendidikan awal kanak-kanak), keperluan terhadap guru-guru yang berkelayakan, serta kebergantungan pelajar kepada Kecerdasan Buatan (AI).

Yang Berhormat turut mengadakan pertemuan dengan Pengarah Sekretariat SEAMEO, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim, bersama wakil-wakil Sekretariat dan Pusat-pusat Serantau SEAMEO yang berpangkalan di Bangkok, bertempat di Ibu Pejabat Sekretariat SEAMEO.

Pertemuan berkenaan merupakan peluang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai mandat, program dan inisiatif pusat-pusat berkenaan dalam memajukan kerjasama serantau dalam bidang pendidikan, sains dan budaya.

Pusat-pusat yang diwakili ialah SEAMEO RIHED yang memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan tinggi, SEAMEO SEPS yang menggalakkan Falsafah Ekonomi Kecukupan bagi kelestarian, SEAMEO STEM-ED yang memajukan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, SEAMEO SPAFA yang menggalakkan kerjasama dalam bidang arkeologi dan seni halus, dan SEAMEO TROPMED Thailand yang mengkhusus dalam bidang perubatan tropika.

Perbincangan berkenaan turut meliputi kerja-kerja Rangkaian SEAMEO TROPMED dalam bidang perubatan tropika dan kesihatan awam, sekali gus menonjolkan sumbangan pelbagai pusat dan rangkaian khusus SEAMEO ke arah pembangunan kapasiti, perkongsian ilmu pengetahuan dan pembangunan mampan di seluruh Asia Tenggara.

Yang Berhormat turut mengadakan lawatan ke Thungmahamek School for the Deaf bagi mempelajari program serta pendekatan pengajaran dan pembelajarannya untuk pelajar-pelajar pekak dan kurang pendengaran.

Lawatan berkenaan menekankan kepentingan pendidikan yang inklusif dan mudah diakses, satu tema yang selari dengan perbincangan Yang Berhormat sebelum ini bersama Menteri Pendidikan Thailand mengenai pendidikan keperluan khas.

Sepanjang lawatan berkenaan, Yang Berhormat turut diiringi oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan SEAMEO (SEAMEO HOM) bagi penggal 2024-2026, bersama Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, NBD.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam selaku Presiden Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) bagi tahun 2025-2027 mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pendidikan Thailand, Tuan Yang Terutama Prasert Jantararuangtong.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Jika ya, teruskanlah dengan penuh keyakinan dan jika masih ada jurang maka perbaikilah dengan tindakan dan bukan keluhan. Oleh yang demikian beta ingin berpesan jadilah penjawat awam yang taat kepada arahan, bijaksana dalam pelaksanaan, pantas menerima perubahan dan teguh berpegang kepada nilai.

Dengan cara inilah, kita dapat memastikan kedaulatan negara terus terpelihara, kepimpinan raja terus didukung sepenuh hati dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam terus relevan untuk semua peringkat zaman.

Akhirnya, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah pada tahun ini. Semoga pengiktirafan ini menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada seluruh penjawat awam untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan amanah.

Setinggi penghargaan juga turut ditujukan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara serta kepada semua pihak yang telah menjayakan Sambutan HPA pada tahun ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

MEMPERKUKUH TADBIR URUS, KEPIMPINAN, MEMAJUKAN PENDIGITALAN, INOVASI



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Forum ini mendukung tema Sambutan HPA Ke-33, Tahun 2026 iaitu 'Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif', yang mencerminkan kepimpinan dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta Wawasan Brunei 2035.

Forum ini turut menyediakan platform dialog dan pertukaran pandangan mengenai kepimpinan, tadbir urus yang baik, pendigitalan, inovasi dan pembangunan keupayaan sebagai pemacu utama transformasi Perkhidmatan Awam.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Terdahulu, forum dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin antara lain menekankan dalam konteks forum ini, 'Inspirasi Raja Dijulang' mencerminkan tanggungjawab Perkhidmatan Awam dalam menjunjung serta merealisasikan wawasan, panduan dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kepimpinan baginda, jelasnya, terus menjadi panduan serta asas dalam pentadbiran awam, manakala Perkhidmatan Awam memainkan peranan penting dalam menterjemahkan wawasan tersebut kepada dasar, program dan tindakan yang berkhidmat demi kepentingan negara serta rakyatnya.

"Dalam titah Kebawah DYMM pada Khamis, sempena Sambutan HPA Ke-33, baginda mengingatkan bahawa seiring dengan perubahan zaman, cabaran yang dihadapi juga turut berubah, begitu juga dengan cara kita memberikan perkhidmatan.

"Baginda turut menegaskan bahawa perubahan tersebut bukanlah tanda kelemahan dalam sistem sedia ada, sebaliknya merupakan bukti kematangan sesebuah negara dalam menyesuaikan diri dengan perubahan tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asasnya.

"Mesej ini menjadi asas kepada forum yang diadakan pada hari ini. Transformasi Perkhidmatan Awam memerlukan usaha yang berterusan bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran awam. Usaha-usaha ini hendaklah sentiasa berlandaskan nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang menjadi tunjang kepada sistem pemerintahan NBD," tambahnya.

Menurut beliau, kepimpinan yang berkesan, tadbir urus yang mantap dan budaya kerja yang kukuh merupakan asas kepada transformasi yang bermakna. Teknologi, termasuk Kecerdasan Buatan (AI), mampu memperkukuh keupayaan, meningkatkan mutu pembuatan keputusan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan. Namun demikian, perkara ini hanya dapat dicapai apabila disokong oleh kepimpinan yang jelas, langkah-langkah perlindungan yang bersesuaian serta pertimbangan yang bijaksana.

Ketiga-tiga elemen ini, terangnya, tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Teknologi tanpa kepimpinan boleh menimbulkan kekeliruan, manakala tadbir urus tanpa budaya kerja yang betul tidak akan menghasilkan keputusan yang bermakna. Selain itu, kecerdasan buatan, walau sehebat mana sekalipun keupayaannya, tidak akan dapat menggantikan pertimbangan, tanggungjawab dan sifat amanah seseorang pegawai Perkhidmatan Awam.

Ujarnya, secara keseluruhan, kejayaan transformasi Perkhidmatan Awam akan dinilai berdasarkan peningkatan nyata dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, pengukuhan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kerajaan serta sumbangan bersama kita dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Forum seterusnya diikuti dengan ucaptama daripada President of the Singapore Chapter and Global AI Ambassador Singapore, Republik Singapura, Looi Teck Kheong bertajuk 'Beyond Automation : AI as the Catalyst for a Trusted and Transformed Public Service'.

Forum diteruskan dengan perbincangan panel yang dikendalikan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan menampilkan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong; Looi Teck Kheong dan Profesor Emeritus Dato' Seri Dr. Ir. Zaini bin Ujang dari Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

Perbincangan mengetengahkan pendekatan, amalan terbaik dan strategi bagi memperkukuh tadbir urus dan kepimpinan, memajukan pendigitalan dan inovasi serta memupuk budaya organisasi berprestasi tinggi.

Forum juga menekankan kepentingan pembelajaran berterusan, pembangunan kompetensi dan kerjasama rentas agensi dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Forum ini dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan sektor kerajaan, serta wakil-wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan institusi pengajian tinggi.

Penganjuran forum ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan ke arah membangunkan Perkhidmatan Awam yang transformatif, inovatif, tangkas dan berdaya tahan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, antara ahli panel pada forum berkenaan.

Jangan mudah percaya, sebar maklumat tidak rasmi

Siaran Akhbar: Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa JKDN telah mengesan kewujudan sebuah akaun Threads, *kdn.gov.bn* yang menyalahgunakan nama yang menyerupai atau boleh dikaitkan dengan JKDN serta memaparkan logo rasmi JKDN tanpa kebenaran.

JKDN ingin menegaskan bahawa akaun Threads tersebut bukan akaun rasmi JKDN dan akaun tersebut tidak mempunyai sebarang kaitan atau hubungan dengan JKDN.

Sebarang maklumat, kenyataan dan pandangan yang disiarkan melalui akaun tersebut adalah tidak dikeluarkan, disahkan atau mendapat kebenaran daripada JKDN.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan supaya berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan mempercayai atau menyebarkan sebarang maklumat yang diterbitkan melalui akaun media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu dan tidak memberikan sebarang maklumat peribadi, maklumat kewangan atau butiran sulit kepada pihak yang tidak dikenali.

Seterusnya, tidak mengakses pautan yang mencurigakan atau membuat sebarang transaksi berdasarkan arahan daripada akaun tersebut dan mendapatkan maklumat yang sahih dan terkini melalui laman sesawang rasmi JKDN di *www.kdn.gov.bn*. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JKDN melalui talian 133.

JKDN memandang serius isu penyalahgunaan nama dan logo rasmi JKDN tanpa kebenaran, khususnya apabila penggunaan tersebut berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai serta menjejaskan kepercayaan terhadap penyampaian maklumat rasmi kerajaan.

Sehubungan itu, JKDN berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya, termasuk tindakan undang-undang, berhubung penggunaan nama, logo dan identiti rasmi berkenaan, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.

JKDN juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa penyebaran maklumat palsu yang boleh mengganggu ketenteraman awam boleh menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda sebanyak BND3,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.



ILMU SEBAGAI JALAN MEMBINA TAWADUK, KEINSAFAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

ANTARA yang menyertai Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-253 (Khas Untuk Wanita Ke-42).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 November. - Ilmu yang sebenar bukan sekadar memperluas pengetahuan dan meningkatkan kedudukan seseorang, bahkan seharusnya menyuburkan sifat tawaduk, keinsafan dan kesedaran terhadap kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Semakin tinggi ilmu yang dimiliki, semakin mendalam seharusnya kerendahan hati serta kesediaan untuk menerima kebenaran dan menghargai orang lain.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Setinggi Ilmu, Sedalam Tawaduk' yang disampaikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Syariah, Graduan Program Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Syariah), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Hajah Siti Juriah@Raneya Fatehah binti Haji Japar bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-253 (Khas Untuk Wanita Ke-42) sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-16 yang bersiaran dari Surau Utama KUPU SB, baru-baru ini.

Dayang Hajah Siti Juriah@Raneya Fatehah seterusnya mengongsikan antara tiga perkara utama tentang ilmu adalah pertama, ilmu sebagai jalan mengenali kebesaran Allah dan menyedari keterbatasan diri.

Berpandukan Surah Al-Mujadilah, ayat 11 dan Surah Al-Isra', ayat 85, dijelaskan bahawa kemuliaan ilmu perlu disertai kesedaran bahawa pengetahuan manusia tetap terbatas berbanding keluasan ilmu Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua, tambahnya, tawaduk sebagai benteng daripada kesombongan dan keangkuhan. Berdasarkan tuntutan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sifat merendah diri kerana Allah merupakan jalan menuju kemuliaan, manakala kesombongan boleh menghalang seseorang daripada menerima kebenaran serta menghormati orang lain.

"Yang terakhir, penghayatan ilmu melalui keindahan akhlak dan tindakan. Dengan meneladani keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ditekankan bahawa ketinggian ilmu dan kedudukan tidak seharusnya menghalang seseorang daripada bersikap sederhana, menghargai sumbangan orang lain, menerima teguran serta melaksanakan tanggungjawab dengan penuh hikmah dan keikhlasan," ujarnya.

Program Malam Munajat tersebut turut disemarakkan oleh tenaga akademik dan para graduan KUPU SB yang bersiaran dari Surau Utama KUPU SB berkenaan sebagai tumpuan utama.

Juga menyertai, para Muslimah dan jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja wanita KHEU dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik), KUPU SB, Dr. Dayang Norasimah binti Haji Omar, diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Norliza binti Abd. Jalil, Nazir Sekolah-Sekolah Ugama, Unit Maklumat dan Perangkaan, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Pelajar Program Sarjana Muda Perguruan Ugama dengan Minor Seni Al-Quran, Tahun 4, KUPU SB.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Guru Besar Sekolah Ugama Pantai Berakas, Kawasan Brunei II, Graduan Program Sarjana Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB, Dayang Norfadizlina binti Haji Abd. Rahman.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu oleh Guru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Graduan Program Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah, KUPU SB, Dayang Nur Ezzati Aqilah binti Rosli.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Naib Yang Dipertua Pelajar (Siswi), Majlis Perwakilan Pelajar, KUPU SB, Dayang Siti Ranaa Rayhaanah binti Mohd. Reduan. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Graduan Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB, Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah binti Huzaimi.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut *http://tiny.cc/munajatkheuwanita.*

Semai nilai ketaatan, kesetiaan kepada pemimpin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman





ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut (atas), manakala gambar kiri, Bicara An Nisa kali ini memberikan tumpuan kepada isu 'Women and Depression'.

TANAH JAMBU, Sabtu, 31 Oktober. - Bagi memupuk rasa kasih dan sayang sesama insan, serta meningkatkan kesedaran tentang peranan keluarga dan kepimpinan dalam membentuk masyarakat yang cemerlang, juga menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara serta Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Program Bicara An Nisa sempena Sambutan Hari Keluarga dan Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Majlis yang berlangsung pagi tadi di Masjid Kampung Tanah Jambu itu turut menjadi wadah untuk menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperkukuh kesedaran mengenai peranan keluarga dan kepimpinan dalam membentuk masyarakat yang sejahtera, harmoni dan cemerlang.

Penganjuran program berkenaan antara lain bertujuan menyemai nilai ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin, selain melahirkan golongan beliawanis yang berilmu, berwawasan serta berpotensi menjadi aset berharga kepada agama, bangsa dan negara.

Mengangkat tema 'Hari Keluarga : World Mental Health Day - Lived Experiences Heard: Real Voices, Real Change', Bicara An Nisa kali ini memberikan tumpuan kepada isu 'Women and Depression'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Sesi bicara menampilkan dua ahli panel iaitu Penolong Profesor merangkap Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abd. Rahman serta Pegawai Psikologi di Bahagian Psikologi Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Rozailah binti Haji Abdul Rahman. Sesi berkenaan dipengerusikan oleh Beliawanis Masjid, Dayang Nur Syahirah Najihah binti Haji Mahmood.

Melalui penganjuran program seumpama ini, para peserta berpeluang menimba ilmu, bertukar pandangan dan mendapatkan pendedahan mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental, khususnya dalam kalangan wanita. Usaha ini juga diharap dapat memperkukuh peranan keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat yang sejahtera, penyayang dan berakhlak mulia.

PESTA TAMU SANTAI JATI KAMPUNG MERANGKING RANGSANG AKTIVITI JUALAN PENDUDUK KAMPUNG

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pesta berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Penganjuran Pesta Tamu Santai Jati Kampung Merangking bertujuan untuk menghidupkan dan memeriahkan aktiviti Tamu Jati Kampung Merangking sebagai salah satu wadah kemasyarakatan di kampung berkenaan.

Selain itu, pesta berkenaan turut bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penduduk kampung. Ia juga menyediakan ruang dan peluang kepada penduduk untuk menjalankan aktiviti jualan, di samping memperkenalkan pelbagai hasil makanan, minuman dan produk tempatan.

Penganjuran tersebut turut menggalakkan penglibatan masyarakat, khususnya golongan belia dan keluarga, dalam aktiviti kemasyarakatan serta sukan ria. Dalam masa yang sama, Tamu Jati Kampung Merangking diharapkan dapat dijadikan sebagai salah satu destinasi kunjungan dan tempat menjalankan aktiviti hujung minggu bagi penduduk kampung serta orang ramai.

Antara aktiviti jualan sepanjang pesta berkenaan termasuk makanan dan minuman, kuih-muih serta makanan tradisional, hasil pertanian dan hasil kampung, produk perusahaan kecil dan kraf tangan, selain pelbagai barangan lain yang bersesuaian.

Bagi menambahkan lagi kemeriahan acara, pelbagai aktiviti sukan ria turut diadakan bagi menggalakkan penyertaan serta mengeratkan kemesraan dalam kalangan penduduk. Aktiviti tersebut merangkumi permainan tradisional, acara sukan santai, acara berkumpulan serta aktiviti khusus untuk kanak-kanak dan golongan belia.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

Melalui penganjuran pesta berkenaan, diharapkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk akan terus diperkukuhkan, di samping meningkatkan semangat kerjasama dan perpaduan masyarakat kampung.

Selain menjadi platform untuk mempromosikan dan memasarkan hasil makanan, produk serta hasil kampung, acara tersebut juga diharap dapat mewujudkan suasana riadah yang santai dan meriah untuk dinikmati bersama oleh penduduk kampung dan para pengunjung.

Sehubungan itu, pihak MPK Merangking amat mengalu-alukan sokongan serta kerjasama daripada Jabatan Daerah Belait bagi menjayakan penganjuran Pesta Santai Tamu Jati Kampung Merangking. Turut hadir, Ketua Kampung Merangking selaku Pengerusi MPK Merangking, Daerah Belait, Awang Nurulizam bin Abdul Rahman serta penduduk Kampung Merangking.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Tamu Santai Jati Kampung Merangking.

Penyertaan Pertandingan Jejak Anbiya' : Kisah Para Nabi dan Rasul kini dibukakan

Siaran Akhbar dan Infografik : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) membukakan penyertaan dalam Pertandingan Jejak Anbiya' : Kisah Para Nabi dan Rasul, yang terbuka kepada kanak-kanak berumur 8 hingga 11 tahun.

Pertandingan berkenaan merupakan wadah pendidikan interaktif yang bertujuan menyemai kecintaan terhadap kisah para nabi dan rasul, di samping menggalakkan penghayatan nilai-nilai murni, meningkatkan keyakinan diri serta mengasah bakat dan kreativiti peserta.

Tempoh pendaftaran bagi pertandingan berkenaan bermula pada 26 Oktober 2026 hingga 9 November 2026.

Sementara itu, peringkat akhir pertandingan akan diadakan pada 24 November 2026.

Penyertaan kini dibukakan dan boleh mengimbas Kod QR yang tertera pada poster untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.





PELITA BRUNEI

KEMAHIRAN MENGEJA DIPERKUKUH, PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DITINGKATKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan





PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad@Mohamat hadir selaku tetamu kehormat pada Peringkat Akhir Kebangsaan Spelling Bee Sekolah-Sekolah (atas kanan), manakala gambar atas kiri, antara pelajar yang menyertai pertandingan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, hari ini mengadakan Peringkat Akhir Kebangsaan Spelling Bee Sekolah-sekolah bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad@Mohamat.

Pertandingan pada tahun ini dibukakan kepada murid-murid Tahun 4 dan Tahun 5 daripada sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Seramai 129 murid daripada 67 buah sekolah telah menyertai peringkat saringan. Daripada jumlah berkenaan, hanya enam peserta teratas bagi setiap tahun pengajian berjaya mara ke peringkat akhir.

Juara bagi Kategori Tahun 4 ialah Brayden Voon Jing dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan; manakala naib juara disandang oleh Awang Muhammad Adam Naufal bin Nurul Zulfadhli dari Sekolah Rendah Sengkurong; sementara tempat ketiga milik Awang Muhammad Iyyad Nawfal bin Mohammad Kamarussalehin dari Sekolah Rendah Kapok.

Bagi Kategori Tahun 5 pula, juara disandang oleh Dayang Nur Nayli Qaisara binti Mohamed Azri dari Chung Ching Middle School; manakala naib juara dimenangi oleh Dayang Farizaaliyah binti Abdul Aziz dari Sekolah Rendah Penanjong; sementara tempat ketiga milik Awang Ahmad Ilhan bin Shahriman dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pertandingan berkenaan bertujuan untuk memupuk literasi dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui pengukuhan asas bahasa, khususnya kemahiran mengeja.

Di samping itu, pertandingan tersebut berhasrat untuk memperkukuh kemahiran mengeja, meningkatkan kesiapsiagaan murid dalam pembelajaran melalui penguasaan bahasa Inggeris serta membina keyakinan diri melalui pendedahan kepada aktiviti pengucapan awam.





Pekerja buruh maut dalam kemalangan jalan raya



KEMALANGAN tersebut melibatkan sebuah kereta jenis Perodua Kelisa yang dipandu oleh seorang lelaki tempatan berumur 29 tahun dan seorang pekerja buruh lelaki warga asing berumur 43 tahun.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang menjalankan siasatan berhubung satu kemalangan jalan raya yang mengakibatkan seorang buruh meninggal dunia.

Kemalangan tersebut berlaku pada Jumaat, 30 Oktober 2026, kira-kira pukul 11.00 pagi, di Lebuhraya Rimba, berhampiran persimpangan lampu isyarat Simpang 177-10.

Kemalangan tersebut melibatkan sebuah kereta jenis Perodua Kelisa yang dipandu oleh seorang lelaki tempatan berumur 29 tahun dan seorang pekerja buruh lelaki warga asing berumur 43 tahun.

Menurut siasatan awal, mangsa bersama beberapa orang rakan sekerjanya sedang menjalankan kerja-kerja pembersihan di bahu jalan. Semasa melintas jalan raya untuk menuju ke kenderaan mereka, mangsa telah dilanggar oleh kereta berkenaan.

Mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pasukan paramedik manakala pemandu kereta berkenaan mengalami kecederaan ringan dan telah menerima rawatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kemalangan. Sehubungan itu, PPDB menyeru orang ramai yang menyaksikan kejadian berkenaan atau mempunyai sebarang maklumat mahupun rakaman kamera papan pemuka (*dashcam*) yang berkaitan untuk tampil membantu siasatan.

Maklumat boleh disalurkan dengan menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 atau dengan menghadirkan diri ke balai polis yang berhampiran.

PPDB akan adakan Kursus Asas Kawalan Keselamatan Peribadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan latihan akhir bagi Kursus Asas Kawalan Keselamatan Peribadi Fasa 01/2026.

Kursus tersebut akan diadakan pada Rabu, 4 November 2026 pada pukul 7.45 pagi hingga 6.00 petang di kawasan Ibu Pejabat Polis Gadong, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Kompleks Aman Hills, Kompleks OneCity, Kampung Sungai Hanching dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Sehubungan itu, orang ramai terutama penduduk yang tinggal berhampiran supaya tidak merasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

سندا كوراو: اد حدث

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن منيغكتكن كإيمانن كڤدن. سسوغكوهن اورغ يغ ڤاليغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت ايالە اورغ يغ ڤاليغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يغ سنتياس مغإيغتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

انتارا جارا يغ دافت ملستاريكن كهرمونين دالم كهيدوفن بركلوارك، برمشاركت دان برنكارا ايالە دغن منجاك اداب دان تيغكه لاكو دالم ڤركاولن. حال اين كران اي مروڤاكن ساله ساتو جابغ أخلاق يغ موليا دان جرمينن كڤريبادين سسأورغ سرتا منجادي أساس فنتيغ دالم مليهارا هوبوغن سسام مأنسي.

سسوغكوهن مڠهياسي ديري دغن أخلاق يغ بايك دان موليا أمت فنتيغ دالم مليهارا هوبوغن يغ هرموني سسام أهل كلوارك، صحابت، جيرن تتڠكا، راكن سكرجا دان مشاركت كسلوروهنن. **درڤد أبو هريرة رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا: أَكْمَلُ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا. مقصودن: اورغ مؤمن يغ ڤاليغ سمڤورنا إيمانن ادالە يغ ڤاليغ بايك دان موليا أخلاقن. {حديث رواية إمام ترمذي}**

اوليه ايت، أكام كيت تله ممبريكن ڤندوان اونتوق منجاك أُخُوَّة دان محبه سسام مأنسي، انتارانڽ دغن سنتياس مليهارا توتور كات دان تيغكه لاكو. اين ترماسوقله بركات-كات دغن سوڤن دان بايك، مڠهيندري كات-كات كجي دان كست سرتا تيدق برلبيهن دالم بركوراو سندا دان حال-حال سأومڤامن.

جماعه يغ درحمتي الله،

كوراوان اتاو بركوراو سندا برمقصود ڤرجاكڤن سجارا برماين-ماين، برسندا، برجناكا اتاو بركلاكر. انتارا توجوانن ادالە اونتوق مڠكمبيراكن هاتي، مڠهيبوركن دان ممرياهكن سواسان.

إسلام تيدق ملارغ أومتن درڤد بركوراو. والاو باكيمانافون، أكام كيت ملارغ بركوراو سندا يغ برلبيهن اتاو بركوراو ترهادڤ ڤركارا يغ سيا-سيا كران كوراوان ايت بوليه ممبواتكن اورغ كتاوا برلبيهن دان ميبيكن هاتي منجادي كرس سرتا ملالايكن ديري درڤد برذكر مغإيغتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. ڤرايغتن اين جلس دسبوتكن دالم سبواه حديث **درڤد أبو هريرة رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا: وَلَا تُكْثِرْ ٱلضَّحِكَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ ٱلضَّحِكِ تُمِيتُ ٱلْقَلْبَ. مقصودن: جاغنله كامو باڤق كتاوا كران سسوغكوهن بايق كتاوا ايت مماتيكن هاتي. {حديث رواية إمام ترمذي}**

نامون بكيتو، جاغن ڤولا كيت منجادي ترلالو سيريوس هيغك تيدق ڤرنه كتاوا. إسلام بوكنله أكام يغ مڠاجر أومتن اونتوق برماسم موك سهيغك بوليه ميڠكوغ ڤراسأن اورغ لاين، ماله سبوم، كمسرأن دان كوراوان يغ بايك جوك ممڤوڤياي نيلاي يغ مورني.

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغكوهن كتاوا دان كوراوان مروڤاكن ڤركارا يغ دهاروسكن دالم إسلام سلاكي تيدق ملمڤاوي باتس، دان اي ادالە فطرة مأنسي. نامون، يغ ڤرلو كيت جاك بوكنله سمات-مات كيت بركوراو اتاو تيدق، تتاڤي باكيمان كيت بركوراو دان افكه كسنن ترهادڤ اورغ لاين.

اوليه ايت، والاوڤون بركوراو سندا دبنركن اوليه شرع، تردافت باتسن-باتسن ترتنتو يغ مستي دجاك اكر تيدق ملمڤاوي اداب سرتا أخلاق إسلام. انتارا باتسن ترسبوت ايالە:

ڤرتام: بركوراوله سجارا برڤادا-ڤادا اكر تيدق ملمڤاوي باتس اداب دان سوڤن سنتون.

كدوا: جاديكنله كوراوان سباكاي وسيلة اونتوق مرافتكن هوبوغن دان برامه مسرا، بوكن اونتوق مباكيتكن هاتي اتاو منجاتوهكن مرواه اورغ لاين. جاغن منجاديكن سسأورغ باهن كتاوا سهيغك دي براس دڤرمالوكن.

كتيك: كوراوان هندقله برداسركن ڤركارا يغ بنر دان بوكنله ڤركارا يغ دوستا.

كامڤت: إيلقكن كوراوان يغ مڠاندوغي عنصور مناكوت-ناكوتكن، مموضرتكن اتاو مڠجوتكن اورغ لاين سجارا كترلالوان.

كليما: كوراوان تيدق بوليه مڠاندوغي عنصور ڤڠهينأن، جرجأن، إنجيكن اتاو سبارغ ڤركاتأن يغ مڠكوريس دان مباكيتكن هاتي. جاغن منجاديكن كأدأن فيزيكل، ككورغن اتاو كسوسهن اورغ لاين سباكاي باهن كوراوان.


كأم: جاغن ممڤرماينكن لفظ يغ بركاين دغن نكاح، طلاق دان روجوع. ڤركارا اين ممڤوڤياي عاقبة حكوم يغ سيريوس. **درڤد أبو هريرة رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برسبدا: ثَلَاثٌ جِدُّهُنَّ جِدٌّ وَهَزْلُهُنَّ جِدٌّ: ٱلنِّكَاحُ وَٱلطَّلَاقُ وَٱلرَّجْعَةُ. مقصودن: تيك ڤركارا يغ اڤبيل دلاكوكن سحارا برسوغكوه-سوغكوه دكيرا برسوغكوه-سوغكوه دان اڤبيل اي دلاكوكن سحارا بركوراو، جوك دكيرا برسوغكوه-سوغكوه يايت نكاح، طلاق دان روجوع. {حديث رواية أبو داؤد}**

اوليه يغ دمكين، بروسڤاداله دغن سندا كوراوان يغ ملمڤاوي باتس اتاو برلبيهن كران اي بوليه منيمبولكن كماراهن سهيغك ميبيكن ترڤوتوسن هوبوغن صلة الرحيم دان ڤرسودارأن سسام مسلم دان اي ادالە ڤربواتن يغ ساغت دلارغ دالم أكام كيت.

أخيرن، ڤليهاراله كبنرن دان مرواه دالم ستياڤ كوراوان. جاك كوراوان كيت مباكيتي سسأورغ، هنتيكنله دان موهونله معاف. إيڠتله، مسكيڤون كوراوان كيت موغكين مڠوندغ سبوم دان تاوا، نامون تيدق مستحيل اد هاتي يغ ترلوكا دان ڤراسأن يغ تركوريس. ماك، برهاتي-هاتيله دالم بركوراو، كران ستياڤ توتور كات كيت اكن دڤرتغكوغجوابكن دهادڤن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ.

دان تيادله كهيدوڤن دنيا اين ملاينكن هاڤله ڤرماين دان سندا كوراو (سمات-مات) دان سسوغكوهن نكري أخيرة ايت لبيه بايك باكي اورغ-اورغ يغ برتقوى. اوليه ايت تيدكه كامو ماهو مڠكوناكن عقل (اونتوق برفيكير)؟ {سورة الأنعم أية: ٣٢}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِٱلْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُالله الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.



PELITA BRUNEI

Ceramah Motivasi hadapi Peperiksaan SSSRU



CERAMAH Motivasi yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi @Haji Mansur bin Mohamad Ali.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KILANAS, Sabtu, 31 Oktober. - Bagi memohon inayah dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping membuat persediaan menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) pada November depan, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei IV mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi bagi calon-calon yang akan menduduki Peperiksaan SSSRU.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas dan hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah Kawasan Brunei IV, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli.

Majlis yang turut dihadiri oleh ibu bapa dan penjaga murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah ugama Kawasan Brunei IV itu dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat secara berjemaah yang diimamkan oleh Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan doa.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Motivasi yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi @Haji Mansur bin Mohamad Ali.

Majlis berkenaan bertujuan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar para murid dimudahkan dalam menghadapi peperiksaan yang bakal tiba serta dikurniakan kejayaan yang cemerlang. Peperiksaan Bertulis Peperiksaan SSSRU bagi murid-murid Darjah VI seluruh negara dijadualkan akan bermula pada 9 hingga 23 November ini.



MAJLIS Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Ceramah Motivasi bagi calon-calon yang akan menduduki Peperiksaan SSSRU.

59 murid SU Beribi sesi pagi diraikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



SERAMAI 59 murid Sekolah Ugama Beribi Gadong (sesi pagi), termasuk dua murid berkeperluan khas, menerima sijil dalam Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama bagi Darjah VI Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

GADONG, Sabtu, 31 Oktober. - Seramai 59 murid Sekolah Ugama Beribi Gadong (sesi pagi), termasuk dua murid berkeperluan khas, menerima sijil dalam Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Darjah VI Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Dewan Fathul Busyra, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah mantan Guru Besar Sekolah Ugama Beribi Gadong, Dayang Hajah Jamaliah binti Haji Yassin, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penerima.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti Bacaan Surah Al-Mulk, ayat 1 hingga 15 oleh Awang Muhammad Waqqash Haqimie bin Muhammad Redhawudeen. Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Beribi Gadong, Dayang Hajah Rosita binti Haji Abd. Rahman.

Turut diisikan, persembahan tausyeh, penyampaian sijil kepada murid-murid yang diraikan, penyampaian hadiah pelajar cemerlang tahun 2025 serta cenderahati kepada guru-guru Darjah VI tahun 2025 sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Muhammad Izzat bin Haji Ramlee.

Penganjuran majlis ini merupakan wadah bagi mengiktiraf pencapaian akademik pelajar serta menghargai sokongan ibu bapa dan komitmen guru dalam membimbing mereka mencapai kejayaan. Pengiktirafan tersebut turut menjadi dorongan kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan pendidikan ugama.

PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR AL-QURAN, UGAMA, BERCERAMAH UGAMA BERMULA 1 NOVEMBER

Borang Permohonan Tauliah Mengajar Ugama

Syarat Permohonan Tauliah Mengajar Ugama

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Oktober. - Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama bagi Musim Pertama Tahun 2027 Masihi adalah dibukakan mulai 1 November 2026 hingga 31 Disember 2026.

Pemegang Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang akan tamat tempoh sehingga 30 Jun 2027 adalah dinasihatkan untuk membuat Permohonan Memperbaharui Tauliah berkenaan dalam tempoh enam bulan sebelum tamat tempoh Tauliah.

Ujian temu duga akan diadakan bermula pada Januari / Februari 2027.

Syarat Permohonan Tauliah Mengajar Ugama, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) adalah seperti berikut, iaitu pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam; pemohon bukan warganegara hendaklah berkhidmat di mana-mana pusat pengajaran ugama swasta di negara ini; pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas; pemohon mempunyai kesihatan yang baik; pemohon hendaklah tidak pernah dikenakan atau disabitkan sebarang kesalahan jenayah oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil; permohonan memperbaharui tauliah hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan sebelum tempoh tamat tauliah; dan bagi pemohon wanita yang sedang hamil, hendaklah kandungan di bawah lima bulan ke bawah semasa menghadapkan permohonan.

Kategori Permohonan Tauliah dan Syarat Kelayakan, iaitu bagi Kategori 1 : Tauliah Mengajar Al-Quran : Mempunyai kelulusan akademik Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB); Sijil Perakuan Pengajian Al-Quran atau Talaqqi Al-Quran; atau yang sebanding dengannya.

Manakala Kategori 2 : Tauliah Mengajar Ugama : Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Diploma Perguruan Ugama yang diiktiraf oleh kerajaan.

Sementara Kategori 3 : Tauliah Berceramah Ugama : Mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pengajian Islam sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan.

Setiap pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat utama, iaitu berkebolehan membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid; mempunyai kefahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan hukum-hukum tajwid; dan mempunyai ilmu pengetahuan ugama asas Fardu Ain dan Fardu Kifayah yang kukuh.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Tauliah Kebenaran Mengajar Ugama, MUIB, sila layari laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama di *www.mora.gov.bn* atau mengimbas Kod QR.



TERUS TIMBA ILMU, PERKASA PERKEMBANGAN KERJAYA



DARI kiri... Pembantu Pejabat di Bahagian V di MTIC, Dayang Haslinda binti Awang Shahrizan; Dayang Juliana binti Abdullah yang berkhidmat dengan Jabatan Penerbangan Awam; Dayang Rosni binti Haji Abdullah yang bertugas sebagai Penjadual dalam Bahagian III di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, MTIC dan Pegawai Kajicuaca, Bahagian II, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Awang Mohamad Noor'Arifin bin Awang Haji Yussof.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BERAKAS, Sabtu, 31 Oktober. - Para penjawat awam diseru untuk sentiasa jujur dan amanah, berintegriti dan bertanggungjawab dalam melaksanakan apa jua tugasan yang diberikan. Hal ini kerana apa juga jawatan dan bidang tugas kita, setiap sumbangan tersebut mempunyai nilai kepada jabatan dan masyarakat.

Bukan itu sahaja, setiap tugasan hendaklah dilaksanakan bekerja dengan ikhlas dan konsisten. Jadikan kecemerlangan sebagai amalan harian, dan setiap cabaran sebagai peluang untuk memperbaiki diri serta mutu perkhidmatan.

Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA), Dayang Rosni binti Haji Abdullah yang bertugas sebagai Penjadual dalam Bahagian III di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan kini ditempatkan di Universiti Brunei Darussalam berkata demikian semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-33 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini.

Sepanjang 28 tahun berkhidmat dalam sektor kerajaan, beliau tanggungjawab mengendalikan pengurusan penjadualan dan sistem peperiksaan serta pentadbiran platform pembelajaran Instructure atau Canvas di UBD.

Dalam masa yang sama, Dayang Rosni turut mengutamakan ketepatan maklumat, kerahsiaan serta penyelesaian tugas mengikut masa yang ditetapkan.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur atas pengiktirafan ini. Saya percaya kejayaan ini turut disumbangkan atas bimbingan pihak atasan, kerjasama rakan sekerja serta sokongan keluarga. Anugerah ini menjadi dorongan untuk saya terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik," tambahnya lagi.

Sementara itu, seorang lagi penerima APCPA, Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas Bahagian III, Bahagian Kenaziran Sekolah-Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Awang Rosli bin Othman, berazam untuk terus berbakti dan memberikan khidmat terbaik kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau yang berkhidmat di Bahagian Kenaziran Unit Sekolah Ugama Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong selama 29 tahun menasihatkan agar penjawat awam untuk terus berkhidmat dengan amanah dan bertanggungjawab demi negara, agama dan bangsa. Berkhidmatlah dengan niat untuk mendapatkan pahala, rahmat dan reda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Begitu juga dengan seorang lagi penerima APCPA, Dayang Haslinda binti Awang Shahrizan yang merupakan seorang Pembantu Pejabat di Bahagian V di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, menekankan kepentingan melaksanakan setiap tugasan dengan jujur, amanah dan bertanggungjawab, selain memastikan arahan yang diberikan dapat diselesaikan dengan cepat dan baik.

"Kalau saya sendiri, saya akan membuat tugasan seperti yang diarahkan secepatnya supaya *inda* bertangguh lagi keesokan harinya atau menyiapkan sebelum *deadline*. Biasanya saya akan bertanya balik kepada pegawai atasan sekiranya saya tidak faham akan tugasan/perkara yang diarahkan," katanya yang sudah berkhidmat selama 10 tahun.

Manakala itu, Pegawai Kajicuaca, Bahagian II, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Awang Mohamad Noor'Arifin bin Awang Haji Yussof menggesa agar penjawat awam perlu sentiasa terbuka untuk menimba ilmu dan menerima pandangan daripada sesiapa sahaja, termasuk pegawai bawahan dan rakan sekerja yang lebih baharu.



GURU Ugama Terlatih Tingkat Khas Bahagian III, Bahagian Kenaziran Sekolah-Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Awang Rosli bin Othman.

Menurut beliau, setiap individu itu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh kita pelajari. Sikap rendah hati untuk terus belajar dan memperbaiki diri amat penting dalam perkembangan kerjaya dan kecemerlangan perkhidmatan.

"Antara cabaran terbesar yang saya hadapi adalah mengurus hubungan kerja dengan individu yang mempunyai perbezaan sikap, pandangan dan pendekatan dalam melaksanakan tugas. Dalam sesebuah organisasi, perbezaan seperti ini tidak dapat dielakkan dan adakalanya boleh menjejaskan kerjasama serta keharmonian tempat kerja," ujar beliau.

Oleh itu, bagi menghadapinya, beliau sentiasa berusaha untuk kekal tenang, bersikap profesional dan tidak membiarkan sesuatu permasalahan menjadi lebih rumit. Beliau lebih mengutamakan komunikasi secara berhemah untuk memahami punca sebenar sesuatu isu dan mencari penyelesaian yang terbaik. Sekiranya perlu, beliau mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pihak atasan atau individu yang berkecuali (yang bersifat *neutral*).

Beliau juga percaya bahawa tidak semua perbezaan dapat diselesaikan sepenuhnya. Namun, perkara yang paling penting adalah untuk terus menjaga profesionalisme, saling menghormati dan memastikan tanggungjawab serta kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Dari itu, Awang Mohamad Noor'Arifin menasihatkan para penjawat awam agar sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, berani memikul tanggungjawab yang lebih besar serta mempunyai akauntabiliti terhadap setiap amanah yang diberikan. Beliau turut menggalakkan agar mereka tidak takut mencuba perkara baharu atau keluar daripada zon selesa kerana peluang sedemikian dapat membuka ruang untuk terus belajar dan mengembangkan potensi diri.

Jelasnya, kita juga perlu menerima hakikat bahawa tiada individu yang sempurna dan kesilapan merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran. Apa yang penting adalah keberanian untuk mengakui kesilapan, mengambil pengajaran daripadanya dan berusaha agar ia tidak berulang. Laksanakanlah setiap tugas dengan penuh keikhlasan dan integriti, bukan semata-mata untuk mendapatkan pengiktirafan, tetapi demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Bagi Dayang Juliana binti Abdullah yang telah berkhidmat selama 30 tahun dengan Jabatan Penerbangan Awam pula menyifatkan bahawa sikap jujur dan amanah dalam menjalankan tugas yang diberikan turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh itu, setiap tugasan yang diberikan hendaklah kita melaksanakan dengan baik dan sempurna. Malah, apabila kita diberikan tugasan, hendaklah dibuat dengan segera tanpa membuang masa.

Cuaca diramal aktif sehingga 7 November

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 November. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di penghujung fasa peralihan monsun dan akan memasuki Monsun Timur Laut dalam masa terdekat.

Berikutan hujan lebat berserta ribut petir yang berlaku semalam pada Sabtu, 31 Oktober 2026, beberapa kawasan di seluruh negara telah mengalami kejadian banjir kilat.

Susulan keadaan cuaca tersebut, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah mengeluarkan amaran cuaca secara berperingkat, bermula dengan Amaran Kuning sebelum dinaik taraf kepada Amaran Jingga dan seterusnya Amaran Merah, seiring dengan peningkatan tahap keterukan keadaan cuaca semasa.

Sementara itu, Stesen Pencerapan Kajicuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah merekodkan jumlah turunan hujan sebanyak 101.0mm pada hari berkenaan.

Pada pukul 7.30 malam, jarak penglihatan *horizontal* turut berkurangan sehingga 1km, manakala kelajuan angin kencang direkodkan mencecah sekitar 52kmsj.

Secara keseluruhannya, jumlah turunan hujan yang direkodkan sepanjang bulan Oktober 2026 adalah sebanyak 201.2mm, iaitu kira-kira 64 peratus daripada jumlah turunan hujan normal bulanan sebanyak 313.6mm.

Bagi bulan November 2026 pula, tinjauan ramalan iklim jangka panjang menunjukkan bahawa jumlah turunan hujan dijangka berada pada paras normal, dengan anggaran antara 250mm hingga 390mm.

Keadaan cuaca masih diramalkan aktif sehingga Sabtu, 7 November 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan kawasan pedalaman terutama pada waktu petang dan berpotensi melintasi kawasan pesisiran dan perairan pada waktu malam. Kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, dengan ketinggian ombak sehingga 1.0m.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (*@bruneiweather*), Instagram (*@brunei.weather*), Telegram dan WhatsApp (*Brunei Weather*).

JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
24 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Supply And Installation Of Sunshades Blackout Roller Blinds

Bilangan Tawaran:
25 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Renovation Works Smart Weapon Storage At Penjara Maraburong Fasa 1 And Penjara Maraburong Fasa 3

Bilangan Tawaran:
26 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Repair Works To Syariah Compound, Penjara Maraburong Fasa 1

Bilangan Tawaran:
27 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
To Provide Body Repair And Painting, Seat Cover Replacement For 1 Unit Bus Rosa Deluxe

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup dan Waktu:
Selasa, 3 November 2026
(Tidak lewat dari Jam 2.00 petang)

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(125) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Persembahan Sketsa / Drama Untuk Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) Bagi Empat (4) Daerah

Bilangan Sebut Harga:
(126) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Persembahan Lawak Jenaka Untuk Program Rakan Remaja Bagi Empat (4) Daerah

Bilangan Sebut Harga:
(127) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Persembahan (Nyanyian) Untuk Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) Bagi Empat (4) Daerah

Bilangan Sebut Harga:
(128) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Membekalkan Perkhidmatan Pembesar Suara (PA System) Untuk Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) Bagi Empat (4) Daerah

Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga:
(129) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk :
Jemputan Bagi Membekalkan Voucher Bernilai BND10.00 Untuk Hadiah Kuiz Kenegaraan Semasa Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) Bagi Empat (4) Daerah

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 5 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
34 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Adhoc Work For Air- Conditioning System Term Contract Maintenance For Period Of Thirty-Six (36) Months At All Building Under Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
31 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan & Arkib Negara Brunei Darussalam Jalan Dewan Majlis, Daerah Brunei-Muara

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(114) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Repair and Replace Flood Light Parts and Components (Maintenance Works) to Pedestrian Mall of Multi-Purpose Hall, Hassanal Bolkiah National Sports Complex

2. Bilangan Tawaran:
(149) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Building Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for:
1. Temburong Sport Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office, Temburong
4. Pusat Belia Bangar Temburong

3. Bilangan Tawaran:
(150) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for:
1. Temburong Sport Complex
2. Swimming Pool Temburong
3. Youth and Sports Office, Temburong
4. Pusat Belia Bangar Temburong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
19 November 2026

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan

1. MOE / LTK / 46 / 2026 / 2027 (AKS-OKT-2026)
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Awang Semaun, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

2. MOE / LTK / 47 / 2026 / 2027 (AKS-OKT-2026)
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

3. MOE / LTK / 48 / 2026 / 2027 (AKS-OKT-2026)
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Tawaran:
24 Oktober 2026 - Sabtu
[Jam 9.45 Pagi]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
3 November 2026 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 / AIRCRAFT
VOTE NO: 1201-027

Keterangan:
IBTE / RKN-12 / 1201-027 / AIRCRAFT

Gelaran Projek:
Menaiktaraf Peralatan Amali Penyelenggaraan Pesawat – School Of Aviation

Supply, Delivery, Installation And Commission Of Used And Serviceable Turbofan Aircraft For School Of Aviation, IBTE Sultan Saiful Rijal Campus, Institute Of Brunei Technical Education, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND500.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
3 November 2026
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)

Tempat Mengambil Borang:
Unit Perolehan,
Tawaran dan Sebut Harga,
Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
(Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

Tempat Pembayaran:
Kaunter Pembayaran:
Unit Hasil, Tingkat 2,
Bahagian Kewangan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
(Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2026 – 2027 / 04 / KTK / SPPP / 03

Keterangan Tawaran:
Two (02) Years Term Contract Janitorial Services, Grass Cutting And Pest Control For Tamu Kianggeh Complex And Its Surrounding Area [01 December 2026 Until 30 November 2028]

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III Ke Atas

Kategori:
Minimum SO1 Dan SO2

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jamadilawal 1448 Bersamaan
10 November 2026,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2627 - QTN.07 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai Barang Cetak Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Tarikh Tutup / Jam:
7 November 2026 – Sabtu (9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 066/ 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of 1KV Non-Extensible Smart Ring Main Unit

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah 'Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39'

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
IV, V atau VI

Kategori:
S01

Tarikh Buka Tawaran Pada :
2 November 2026 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
24 November 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
1 Disember 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T016 / 2026
Pengumpulan Dan Pelupusan Sisa Di Bawah Rumah Di Kawasan Bakut Dan Di Sepanjang Tepi Sungai Di Tiga (3) Zon Di Kampong Ayer Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T016 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Serta Memiliki 'Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian' Yang Sah Sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q19
Invitation To Supply And Delivery Of Tablet Computer And Accessories For Ministry Of Development

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q20
Invitation To Supply, Subscribe, Configure And Test Gemini Notebook Enterprise Licensing For 1 Year, Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu, 31 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 12 November 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 November 2026
Sebelum 9.00 pagi

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
26 / DBP / SH / 2026-2027
Pembelian Televisyen Bagi Kegunaan Aktiviti Dewan Bahasa Dan Pustaka

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
5 November 2026

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6020
Purchase Combat Boot Black For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
29 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Pembersih Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
30 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) – R
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Tulis Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
5 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 08 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan dan Penghantaran Makan / Minum Malam Berkonsepkan Individually Packed Meals and Drinks Bagi 35 Orang Atlet Dibawah Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

JPt / SH / 93 / 2026-2027
Quotation For Maintenance, Service And Repair Of Incinerator (Comes With Building) In The Pathology Laboratory, Animal Diagnostic Unit, KKP Terunjing

JPt / SH / 94 / 2026-2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

JPt / SH / 95 / 2026-2027
Inspection Of Socket, Isolator And Earthing At Veterinary Lab KKP Terunjing, Department Of Agriculture And Agrifood

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
19 / JULY / 2026 / KKBS / PJK / 16.105 (R)
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty Six (36) Months For Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Training Camp, Batu Apoi, Temburong, Brunei Darussalam (Retender)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 07 / 2026
Supply and Install New Pool Tables, Snooker Tables and Chinese Billiard Tables at the Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001-01 - (2026)
Pembekalan Monitor Jabatan Adat Istiadat Negara

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001-02 (2026)
Pembekalan Google TV / Smart TV Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
3 November 2026 –Selasa
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Sebut Harga:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan BA8610,
Negara Brunei Darussalam.

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 23.
Pembelian
Lima Belas (15) Portable Duplex Scanner Di
Jabatan Audit Bangunan Bahirah,
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Deskripsi:
Portable Scanner
Desktop Sheet-Fed Scanner
Scan Size: A4
Scan Speed: B & W 15 BPPM (Simplex) / 30 IPM (Duplex),
Colour 10 PPM (Simplex) /
20 IPM (Duplex)
Scan Resolution: Up to 600 dpi
Standard Feesing Capacity:
up to 20 sheets
Connectivity: Hi-speed USB 2.0 (USB 3.0 bus power supported)
Recommended Daily Scan Volume: Up to 500 scans per day

Kuantiti:
15 Unit

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Sebut Harga:
04 / KKBS / HK43 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Install And Dismantle Of New 40ft X 20ft Billboard In Conjunction With 43rd Brunei Darussalam National Day Celebration, 2027

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
01 / KKBS / HK43 - 2027(R)

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Menghantar Bendera-Bendera Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Re-Quotation)

Tarikh Tutup:
Khamis, 12 November 2026

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(B) / 2026 - 2027
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh Dua (2) Tahun Bagi Zon 'B'
Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam. Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

Tarikh Tutup:
Rabu, 1 Jamadilakhir 1448H / 11 November 2026M
Tidak lewat jam 2.00 petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori Dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 26 Oktober 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 9 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 10 November 2026
Jam, 2.00 Petang

Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek :
[KHEDN / LTK / 2026 - 11]
Kontrak Penggal Bagi Penyewaan Dan Pemasangan Khemah Serta Kelengkapan Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Di Keempat Daerah Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 004001 / 2113 / 01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan Pemakanan Sekolah 2026

DA / JKSH / 143 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi:
Sekolah Rendah Kampung Bukit Daerah Tutong,
Kementerian Pendidikan.

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

1. Membekal Dan Menghantar Bahan Guna Habis Pencetak Ink Toner Cartridge Dan Drum Unit
Rujukan:
JBP / TSH / 22 / 2026 - 2027

2. Membekal Dan Menghantar Peralatan Scanner
Rujukan:
JBP / TSH / 23 / 2026 - 2027

3. To Supply, Dismantle And Install Various Types Of New Complete Air Conditioner Units
Rujukan:
JBP / TSH / 24 / 2026 - 2027

4. Membekal Dan Menghantar Portable Pump
Rujukan:
JBP / TSH / 25 / 2026 - 2027

5. Membekal Dan Menghantar Peralatan Hazmat
Rujukan:
JBP / TSH / 26 / 2026 - 2027

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 5 November 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kod Blok : MTR / 04
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Anak-Anak Askar Batalion II, Tutong Kem
2. Sekolah Rendah Binturan
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 62
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 56 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Permakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Labi, Kg Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 51
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 57 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Awang Semaun
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: PH/T1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Puni
2. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
3. Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST9
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 55 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 58 / 2026 / 2027 Adalah BND10.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Saba Darat B Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 05
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 60 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Serasa, Muara
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 12
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 61 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sg Besar
Sekolah Rendah Batu Marang
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 14
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 62 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
Sekolah Rendah Sg Teraban
Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 48
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 63 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi Sekolah Rendah Kuala Belait
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SA / 01
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal, Menghantar Dan Mengagih Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Agih Bagi Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Hj Mohd Yusof
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SA / 02
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 59 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 64 / 2026 / 2027 Adalah BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Danau
2. Sekolah Rendah Tumpuan Telisai
3. Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya
4. Sekolah Rendah Lubuk Pulau
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 42
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 66 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi:
1. Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang
2. Sekolah Rendah Birau
3. Sekolah Rendah Bekiau
4. Sekolah Rendah Batang Mitus
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 43
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OKT-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Pg Setia Jaya Pg Haji Abd Momin, Kg Pandan
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: SM / 53
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 65 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 67 / 2026 / 2027 Adalah BND50.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
10 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(113) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)
Replacement Of New Roller Shutter And Fire Exit Door Including Constructing An Ablution Area At Inpatient Pharmacy Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Kelas:
II

Kategori:
B01, KA01 dan KPB02

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(16) PIHMH / KEW / 008
Upgrading Works For Standby Generator Set At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Kelas:
II

Kategori:
E01, E02 dan M03

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1758) / 2026 / HTD (A20)
Repair One (1) Unit Of Ultra Low Freezer, Brand: ESCO Lexicon, Model: UUS-793A-1, BME19802, At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1762) / 2026 / HTD (B4)
To Repair Twelve (12) Units Of Hillrom Patient Beds At WCC And RIPAS Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1761) / 2026 / HTD (B4)
To Repair One (1) Unit ATMOS ENT Workstation, Model: C21, BME6938, SN: 170024636-059579-2009-02 At ORL Clinic, RIPAS Hospital (WO: 2026-13542)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1760) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Five (5) Units Of MGE Portable Suction Machine, Model: SAM12, Various Dental Clinic At Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1755) / 2026 / HTD (B8)
To Repair Three (3) Units Of Blanket Warmer, Brand: CSZ, Model: 135-WARMAIR At ICU 2 & ICU 3 RIPAS Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME/A2K/(1754)/2026/HTD (A17)
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of BIO-RAD Haemoglobin Testing Analyzer, Brand: BIO-RAD, Model: Variant II, At Mocrobiology Laboratory, RIPAS Hospital.
(WO: 2026-12841)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(114) PSD/QTN/2026 – (SSBH)
To Supply And Repair Medical Air Dryers And Repair Resevoir Medical Air Tank,
Suri Seri Begawan Hospital

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
27 / QTN / JPK / 2026
Supply And Replace With New Air-Conditioning Unit And Install New Air Curtain Unit, PAPHMWHB Gadong Health Centre

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
29 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of 1 (One) Unit Of Body Composition Analyser For Department Of Health Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (12A)
Outsourcing Nicotine Dependence Intervention Program (NDIP) For Health Promotion Centre - Clustering

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
7 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KKW / BTM / PROC / 2026 / 1
Pajak Sewa Mesin Mencetak Selama Tiga (3) Tahun Bagi Kegunaan Kementerian Kewangan Serta Bahagian-Bahagian Di Bawahnya

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 28
Supply And Delivery Of Card Printers For The Production Of Identification (ID) Profile Cards

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
5 November 2026,
Jam 2.00 Petang

PELITA BRUNEI

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

TIPS

1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg

1 bungkus
Mee Segera

1000 mg

Sebiji
Telur Masin

880 mg

1 sudu makan
Kicap

376 mg

3 sudu makan
Corned Beef

295 mg

1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg

1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg

1 cawan
Kentang Goreng

116 mg

Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg

3 keping
Kraker Beras

2.4 mg

1/2 cawan
Amping

1.7 mg

Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg

Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

IMBASAN MINGGUAN



PARA peserta yang mengikuti Kursus Kompetensi Pengajaran Quran Isyarat Tahap 1 yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di Room 5, Multipurpose Room, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman.

ANTARA persembahan semasa Sambutan Hari Pemulihan Antarabangsa 2026 bertemakan 'Sinar Menuju Pemulihan, Bersama Komuniti' yang berlangsung di Sports Hub, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

SEBAHAGIAN jemputan yang hadir pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-12 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

AKSI pemain pada Liga Super Malaysia yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai VOLT RUN 2026 anjuran Mortar Events yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PELITA BRUNEI



Dayangku Siti Ummi Syazana qariah muda mengharumkan Kalamullah

Oleh : Ak. Jefferi bin Pg Durahman
Foto : Ihsan Dayangku Siti Ummi Syazana Pengiran Haji Marjuki

Di usia yang masih muda, beliau telah berani berdiri di pentas berprestij Tilawah Al-Quran, mengalunkan Kalam Allah di hadapan ribuan mata yang memandang, kemenangannya yang sebenar bukanlah piala yang diterima, tetapi keberanian beliau dalam menegakkan syiar Islam melalui alunan suaranya.

Itulah dia salah seorang belia negara kita Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki yang berjaya membuktikan bahawa belia berwawasan bukan sahaja cemerlang di gelanggang sukan atau perniagaan, tetapi juga cemerlang di pentas tilawah Al-Quran. Beliau mungkin diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga, namun alunan teranumnya telah menjadi juara di hati para hakim. Di pentas Musabaqah Tilawah Al-Quran, beliau telah membuktikan bahawa suara yang paling indah adalah suara yang lahir dari hati yang ikhlas kerana Allah.

Walaupun menduduki tempat ketiga, persembahannya telah mempamerkan mutu bacaan bertaraf antarabangsa, dengan penghayatan makhraj yang tepat dan taranum yang mengasyikkan. Beliau bukan sahaja telah mengharumkan nama keluarga dan kampung halaman, malah telah menjadi inspirasi kepada para Qariah belia di seluruh negara bahawa usaha yang ikhlas pasti akan dipandang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Dayangku Siti Ummi Syazana turut meluahkan rasa syukurnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki dalam meraih tempat ketiga dalam Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun ini. Kejayaan tersebut merupakan hasil daripada doa, usaha dan latihan yang berterusan, di samping doa serta sokongan daripada keluarga, guru-guru dan rakan-rakan. Semoga kejayaan ini menjadi dorongan dan semangat untuk terus memperbaiki kualiti pembacaan Al-Quran pada masa akan datang.

Dari segi persiapan ujarnya, sebenarnya bermula pada tahun lepas iaitu selepas berakhirnya Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan 2025. Bermakna persiapan itu lebih awal kerana ia memerlukan latihan bacaan, suara, mental dan fizikal yang berterusan. Berguru kepada guru-guru yang berpengalaman dan berkemahiran. Latihan atau Tasmie' bersama guru-guru dilakukan dua atau tiga kali dalam seminggu dan dalam masa yang sama membuat latihan secara bersendirian setiap hari kerana konsisten itu amat penting dalam memastikan bacaan terus terjaga.

"Dalam masa yang sama, saya juga menghadiri kursus intensif khusus bagi wakil qari dan qariah ke majlis tersebut dan ia diungkayahkan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mana jurulatih yang dilantik merupakan jurulatih yang tidak asing lagi di dalam musabaqah ini dan berpengalaman dalam melatih dan mendidik di bahagian-bahagian taranum, tajwid, *fasahah* dan suara. Kursus intensif ini bermula dari bulan Julai sehingga berangkat ke Kuala Lumpur bulan Oktober dan latihan diteruskan sehingga tiba giliran hari membaca / bertanding.

Di samping itu, saya juga memastikan untuk sentiasa bersenam untuk kesihatan mental dan fizikal saya dalam memastikan keadaan saya sentiasa berada di tahap optimum tidak kira semasa bertanding atau latihan," ulasnya.

Cabaran untuk bertanding setentunya ada banyak jelasnya, dan salah satunya adalah untuk memastikan kesihatan suara, fizikal dan mental sentiasa dalam keadaan yang baik. Selain itu, latihan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan bacaan Al-Quran khususnya dalam bacaan tajwid, *fasahah* lagu dan suara sentiasa terjaga.

Tambahnya lagi, untuk mengatasinya, dia melakukan latihan bersama guru-gurunya dan dalam masa yang sama, penyusunan masa amatlah penting dalam memastikan masa yang cukup untuk bersama keluarga, masa untuk membuat latihan, bekerja dan tambahan lagi ketika ini dia sedang menjalani kursus secara separuh masa di Universiti Brunei Darussalam. Jadi, masa itu amatlah terhad dan mestilah disusun secara teratur.

"Dalam memastikan kelancaran bacaan dan kekuatan hafazangang Al-Quran bagi saya yang paling penting adalah istiqamah dan konsisten dalam latihan. Latihan setiap hari sekurang-kurangnya 30 minit hingga satu jam untuk membaca, mengulang dan memperbaiki bacaan.

"Selain itu, sentiasa untuk terbuka menerima teguran daripada guru, sebab daripada teguran itulah kita dapat tahu di mana kekurangan kita dan apa yang perlu diperbaiki. Disiplin semasa latihan juga sangat penting terutama apabila kita sedang membuat persediaan untuk musabaqah," tambahnya.

Pada masa yang sama, jelasnya adab juga memainkan peranan yang sangat penting, kita perlu sentiasa menghormati guru, ibu bapa, keluarga dan orang di sekeliling kita serta mengharapkan doa dan restu daripada mereka dan yang terakhir, menjaga pemakanan, kesihatan fizikal dan mental serta waktu tidur dan rehat yang mencukupi. Sebab untuk membaca dan menghafaz Al-Quran dengan baik, kita bukan sahaja perlu bersedia dari segi bacaan tetapi juga dari segi fizikal dan mental.

Beliau juga menjelaskan, sejujurnya kejayaan ini sangat bermakna baginya, bukan hanya kerana pencapaian atau kedudukan yang diperoleh tetapi ia juga menunjukkan bahawa segala usaha, latihan, pengorbanan dan doa selama ini Allah Subhanahu Wata'ala makbulkan dan membuahkan hasil.

"Saya juga melihat kejayaan ini sebagai satu amanah dan motivasi untuk saya terus memperbaiki diri, khususnya dalam bacaan taranum Al-Quran kerana ilmu. Al-Quran ini sangat luas dan masih banyak yang perlu saya pelajari dan perbaiki, yang paling penting, saya sangat bersyukur kerana sepanjang perjalanan ini, saya mendapat doa, sokongan dan bimbingan daripada guru, ibu bapa, keluarga serta orang-orang di sekeliling saya. Alhamdulillah, di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada guru-guru saya dan para pembimbing yang tidak pernah jemu membimbing, menegur, berkongsi ilmu dan tip-tip dalam memperbaiki bacaan Al-Quran.

"Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan, semangat dan doa yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya Bahagian Kemajuan Syiar Islam dan juga tempat saya bertugas iaitu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di atas doa dan sokongan dan kepada semua yang menyokong dan mendoakan saya, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Alhamdulillah, saya sangat bersyukur dan menghargai setiap doa, teguran, pengorbanan dan sokongan yang diberikan. Semoga Allah membalas segala kebaikan mereka dengan sebaik-baik ganjaran," tambahnya.

Menyentuh impian pula, Dayangku Siti Ummi Syazana juga turut menyimpan impian terbesarnya untuk terus istiqamah dan berdamping bersama Al-Quran dan terus memperbaiki bacaan dari semasa ke semasa. Baginya, perjalanan dengan Al-Quran ini tidak berhenti setakat pertandingan atau pencapaian yang diperoleh dan berharap suatu hari nanti, ilmu dan pengalaman yang ada dapat dikongsi kepada orang lain, khususnya generasi muda, supaya mereka juga dapat mencintai dan mendekatkan diri dengan Al-Quran.

Akhir sekali Dayangku Siti Ummi Syazana juga ingin terus membanggakan ibu bapa, keluarga, guru-guru serta negara, insyaaAllah. Apa pun pencapaian selepas ini, ia berharap Al-Quran akan sentiasa menjadi sebahagian daripada kehidupannya dan memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada orang lain. *Amin Ya Rabbal Alamin.*



Perkhidmatan Awam yang transformatif : Menjulang kepimpinan dan kedaulatan raja

SIRI 1

Oleh : Dr. Awang Haji Hambali bin Awang Haji Jaili, Penolong Kanan Professor dan Dekan, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Foto : Jabatan Penerangan

APABILA kita menyebut transformasi Perkhidmatan Awam, kita mungkin terus membayangkan kemajuan teknologi digital, kecerdasan buatan, inovasi, sistem terkini, proses kerja yang lebih pantas dan organisasi yang lebih cekap. Tidak dinafikan semua itu sememangnya penting.

Tetapi dalam perspektif Islam, transformasi yang paling besar bukan bermula daripada kecanggihan teknologi semata-mata. Transformasi sebenar bermula daripada manusia itu sendiri.

Perkhidmatan Awam bukan sekadar transformasi sistem, tetapi transformasi jiwa dan *nawaitu* kita.

Terdapat tujuh transformasi utama yang perlu dimiliki oleh setiap penjawat awam dalam melaksanakan tugas serta amanah yang dipertanggungjawabkan.

Pertama : Perkhidmatan Awam adalah amanah

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil".

(Surah An Nisaa' : 58)

Ayat ini memberikan asas yang sangat kukuh kepada Perkhidmatan Awam bahawa :

Jawatan adalah amanah.
Kuasa adalah amanah.
Masa bekerja adalah amanah.
Dana kerajaan adalah amanah.
Maklumat kerajaan adalah amanah.

Dan setiap keputusan yang kita buat yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat dan masyarakat juga merupakan amanah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula bersabda, yang bermaksud :

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang berada di bawah tanggungannya".

(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini mengajar kita bahawa kepimpinan Perkhidmatan Awam bukan hanya milik orang yang berada di puncak organisasi.

Setiap kita adalah pemimpin dalam ruang amanah masing-masing.

Ketua jabatan adalah pemimpin.
Ketua bahagian adalah pemimpin.
Pegawai adalah pemimpin.
Kakitangan adalah pemimpin.

Bahkan, pekerja pembersihan juga memainkan peranan kepimpinan kerana kebersihan yang dijaga mencerminkan imej dan keprihatinan kerajaan, manakala kecuaian boleh menjejaskan persepsi masyarakat terhadap mutu Perkhidmatan Awam.

Sebab itu, penjawat awam yang transformatif tidak akan bertanya :

"Apa yang saya dapat daripada jawatan ini?"

Sebaliknya dia berkata :

"Apa yang boleh dan patut saya sumbangkan melalui jawatan ini?"

Kedua : Menjunjung kepimpinan raja dengan ketaatan dan kesungguhan

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, yang bermaksud :

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul dan orang-orang yang memegang kuasa antara kamu".

(Surah An Nisaa' : 59)

Islam mengajar umatnya supaya menghormati dan mentaati kepimpinan dalam perkara yang makruf. Kerana itulah, mendoakan raja dan pemimpin agar dikurniakan keadilan, kebijaksanaan serta petunjuk Allah adalah merupakan satu kewajipan setiap lapisan rakyat.

Fudhail bin 'Iyadh Rahimahullah pernah menyatakan, yang bermaksud :

"Sekiranya aku mempunyai satu doa yang mustajab, nescaya aku akan menjadikannya doa khusus untuk pemerintah".

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kepimpinan raja bukan sekadar ketua pentadbiran negara. Ia merupakan satu institusi yang mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam ristaan sejarah, budaya dan kehidupan bernegara.

Namun, persoalannya yang harus dijawab bersama ialah :

Bagaimanakah kita benar-benar menjunjung kepimpinan raja?

Adakah cukup dengan kata-kata?

Adakah cukup dengan slogan?

Adakah cukup dengan menghadiri majlis-majlis rasmi?

Ya diakui semua itu ada nilainya.

Tetapi bukti kesetiaan yang paling nyata ialah kecemerlangan prestasi dan amanah dalam setiap tugasan.

Jika kita ingin menjunjung kepimpinan raja, maka kita mesti memastikan :

Apabila disebut integriti - Kita menjadi penjawat awam yang bertanggungjawab.

Apabila dsebut transformasi - Kita menjadi pencetus perubahan.

Jika ditekankan kesejahteraan rakyat dan masyarakat - Kita memudahkan urusan mereka.

Jika diperingatkan kemajuan negara - Kita tingkatkan produktiviti.

Jika ditekankan nilai-nilai Melayu Islam Beraja - Kita menerapkannya dalam budaya kerja.

Dengan kata lain :

Titah dan dasar kepimpinan raja perlu diterjemahkan melalui tindakan.

Kerana kepimpinan hanya akan menjadi lebih kuat apabila seluruh jentera Perkhidmatan Awam bergerak dalam satu pasukan, satu tujuan dan satu kesetiaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2025 antara lainnya mengingatkan kita tentang pentingnya setiap penjawat awam mesti tangkas dalam melaksanakan tugas, dan juga perlu memahami objektif sebenar kita berkhidmat untuk bangsa dan negara. Baginda tidak mahu sebarang kepincangan berlaku dalam Perkhidmatan Awam negara.

Oleh itu kita memerlukan penjawat awam yang :

Cekap juga beradab,
Pintar juga amanah,
Berani tetapi berhikmah,
Inovatif tetapi berpegang kukuh mendukung kepimpinan raja.

Ketiga : Perkhidmatan Awam adalah kepercayaan, bukan keistimewaan

Perlu kita fahami jawatan Perkhidmatan Awam yang kita pikul bukanlah satu *tashrif* (kemuliaan) tetapi ianya adalah *taklif* (khidmat dan beban). Ini jelas sebagaimana kita melihat dalam contoh para sahabat melihat jawatan dalam Perkhidmatan Awam sebagai amanah yang harus dipikul dengan rasa takut kepada Allah.

Mereka tidak melihat jawatan sebagai peluang untuk menikmati kemewahan.

Sebaliknya, mereka melihatnya sebagai beban yang akan dipersoalkan di hadapan Allah.

Lihatlah betapa hebatnya Saidina Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu.

Diriwayatkan pada suatu malam, Ketika beliau berjalan dan menemui sebuah keluarga yang kelaparan. Beliau mendapati seorang ibu sedang memasak, sedangkan periuk itu hanya berisi air dan beberapa biji batu. Manakala anak-anaknya menangis kerana kelaparan.

Apabila Umar Al-Khattab mengetahui keadaan tersebut, beliau sendiri pergi mengambil makanan dari Baitulmal dan memikulnya.

Lalu ketika seseorang menawarkan diri untuk membawanya, Umar Al-Khattab berkata, yang bermaksud :

"Adakah engkau akan memikul dosaku kelak pada Hari Kiamat?"

Subhanallah, Perhatikan jiwa Umar Al-Khattab sebagai penjawat awam.

Beliau tidak berkata : "Itu tugas pegawai bawahan".

Beliau tidak berkata : "Esok kita adakan mesyuarat".

Beliau tidak berkata : "Sila hantar surat permohonan rasmi".

Tetapi beliau melihat masalah rakyat dan masyarakat serta merasakan : "Ini tanggungjawab saya".

Inilah jiwa kepimpinan penjawat awam yang perlu kita hidupkan dalam menyumbang perkhidmatan. Kita mungkin tidak memikul guni makanan seperti Umar Radiaalluhanhu.

Tetapi kita memikul : Dasar kerajaan, fail permohonan, dana awam, projek pembangunan dan akhirnya, kita memikul harapan raja dan rakyat jelata.

PELITA BRUNEI

DEMONSTRASI DI REPUBLIK PERANCIS BERTUKAR KECOH, POLIS GUNA GAS PEMEDIH MATA

ISTANBUL, 1 Nov. - Demonstrasi di beberapa bandar di Republik Perancis bertukar kecoh pada Sabtu apabila pertembungan tercetus antara penunjuk perasaan dan polis, termasuk di Lyon dan Grenoble yang menyaksikan penggunaan gas pemedih mata, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan. Kira-kira 15,000 orang dilaporkan menyertai 65 protes yang diadakan di seluruh negara.

Menurut penyiar France Info, ketegangan di Lyon tercetus apabila sekumpulan penunjuk perasaan cuba menyimpang daripada laluan yang dibenarkan untuk menuju ke pusat bandar berhampiran Place Jean Mace, memaksa polis menggunakan gas pemedih mata.

Pihak berkuasa wilayah kemudian melaporkan penyertaan 19,000 orang dalam demonstrasi itu, dengan seorang mengalami kecederaan ringan di kaki manakala enam lagi ditahan.

Di Grenoble, tenggara Republik Perancis, polis turut menggunakan gas pemedih mata susulan ketegangan berhampiran Place Gustave Rivet selepas perarakan penunjuk perasaan terbahagi kepada dua kumpulan.

Menurut pihak berkuasa wilayah Isere, seramai 7,300 orang menyertai demonstrasi berkenaan, manakala kira-kira 200 individu yang dikenali sebagai "black bloc" bertindak memecahkan perarakan itu buat sementara waktu serta membaling objek ke arah polis.

Sementara itu, di bandar pelabuhan Marseille, pertembungan tercetus apabila penunjuk perasaan membaling batu ke arah anggota polis antirusuhan yang menghalang laluan di Boulevard Chave. Polis bertindak mara ke arah kumpulan berkenaan bagi menyuraikan mereka, namun perarakan tetap diteruskan menuju ke stesen kereta api Saint-Charles.

Pihak berkuasa tempatan menganggarkan sehingga 10,000 orang menyertai demonstrasi itu, dengan ketegangan mula tercetus kira-kira 4 petang (1500 GMT) apabila objek dibaling ke arah polis. Situasi tegang turut dilaporkan di Toulouse, Rennes dan Nantes apabila penunjuk perasaan bertembung dengan polis.

Di Paris, perarakan yang bermula di Porte de Bagnolet berlangsung secara aman sehingga tiba di Porte de Charenton, iaitu lokasi terakhir bagi laluan yang dibenarkan. Bagaimanapun, pertembungan tercetus sejurus selepas demonstrasi itu berakhir di daerah ke-12 Paris. - ©BERNAMA

Kapal pengangkut LNG Qatar terkena 'objek tidak dikenal pasti' di perairan Teluk

ISTANBUL, 1 November. - Sebuah kapal pengangkut gas asli cecair (LNG) Qatar terkena 'objek tidak dikenal pasti' ketika belayar di perairan Teluk pada Jumaat malam, menurut pengumuman Qatar Gas Transport Company pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Syarikat yang juga dikenali sebagai Nakilat itu memaklumkan bahawa kapalnya, Al Mayeda, terbabit dalam insiden berkenaan, namun tiada anak kapal yang cedera atau kerosakan terhadap alam sekitar dilaporkan.

"Tiada anak kapal yang cedera dan insiden ini tidak memberikan sebarang kesan terhadap alam sekitar," menurut syarikat itu dalam kenyataan yang disiarkan di Bursa Saham Qatar.

Nakilat memaklumkan bahawa kapal berkenaan kekal selamat dan masih boleh beroperasi selepas insiden itu.

Syarikat itu turut menyatakan bahawa pihaknya sedang menilai kesan insiden berkenaan dan terus berhubung secara langsung dengan pihak berkuasa keselamatan maritim yang berkaitan di rantau itu.

Menurut syarikat berkenaan, pihaknya terus memantau keadaan dengan teliti. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Long Thanh Viet Nam dijadual mulakan operasi komersial pada 24 Disember

DONG NAI, 31 Okt. - Lapangan Terbang Antarabangsa Long Thanh di Viet Nam dijangka memulakan operasi komersial pada tengah malam 24 Dis, lapor Agensi Berita Viet Nam (VNA) yang memetik notis baru-baru ini dihantar oleh Perbadanan Lapangan Terbang Viet Nam (ACV) kepada Jawatankuasa Rakyat Bandar Dong Nai.

ACV meminta pihak berkuasa tempatan mengarahkan agensi dan unit berkaitan supaya bekerjasama serta memberikan sokongan kepada perbadanan itu dalam menyelesaikan persiapan mengikut tanggungjawab dan bidang kuasa masing-masing bagi memastikan operasi bermula dengan lancar dan selamat.

Pada fasa awal, lapangan terbang itu dijangka mengendalikan sehingga 366 penerbangan seminggu, termasuk 322 penerbangan domestik dan 44 penerbangan antarabangsa.

Syarikat penerbangan domestik akan memulakan operasi di lapangan terbang baharu itu secara berperingkat. Viet Nam Airlines dijangka mengendalikan laluan Long Thanh-Hanoi serta beberapa penerbangan antarabangsa manakala Vietjet Air merancang mengendalikan laluan domestik yang menghubungkan Long Thanh dengan pusat ekonomi dan pelancongan utama di seluruh negara.

Pengagihan penerbangan dan perancangan operasi sedang dibangunkan menerusi penyelarasan antara agensi pengurusan, pengendali lapangan terbang dan syarikat penerbangan.

Proses itu mengambil kira parameter penyelarasan slot dan jadual operasi di kedua-dua Lapangan Terbang Antarabangsa Long Thanh dan Tan Son Nhat, selain memastikan pematuhan terhadap peraturan berkaitan, perjanjian perkhidmatan udara antarabangsa serta syarat operasi.

Menurut ACV banyak syarikat penerbangan antarabangsa turut menyatakan minat dan sokongan untuk memulakan operasi di Long Thanh. - ©BERNAMA

Perdagangan hidupan liar global babit lebih 107,000 spesies - Kajian

MELBOURNE, 31 Okt. - Lebih 107,000 spesies hidupan liar dipergunakan dan didagangkan di seluruh dunia iaitu lebih dua kali ganda angka anggaran sebelum ini, menurut satu kajian baharu, lapor Xinhua.

Kajian itu turut memberikan amaran bahwa skala sebenar mungkin jauh lebih besar susulan jurang besar dalam data pemantauan global.

Diterbitkan dalam Science Advances dan diketuai Universiti Melbourne Australia, kajian itu mengenal pasti 107,356 spesies yang didagangkan meliputi tumbuh-tumbuhan, haiwan dan kulat, berbanding anggaran sebelum ini iaitu kira-kira 50,000 spesies, dalam perdagangan di seluruh dunia, menurut kenyataan universiti itu pada Sabtu.

Perdagangan hidupan liar ialah pemacu kuat kehilangan biodiversiti namun maklumat mengenai tahap dan kemampanannya kekal tidak lengkap dan berpecah-pecah, kata ketua penyelidik Profesor Alice Hughes dari Sekolah BioSains universiti itu.

Perdagangan hidupan liar melangkaui perdagangan haram gajah, harimau dan tenggiling, merangkumi kayu, makanan laut, tumbuhan ubatan, haiwan peliharaan, potongan bunga, ikan hiasan dan kulat, yang kebanyakannya adalah sah, kata Hughes.

"Bagi kebanyakan spesies ini, kami mempunyai sedikit atau tiada data. Tiada data mengenai kuantiti dan asal usul, apatah lagi data peringkat populasi untuk menilai sama ada perdagangan menimbulkan risiko terhadap kemandirian spesies," katanya.

Beliau menambah sasaran perdagangan sedia ada rangka kerja biodiversiti global hanya meliputi kira-kira dua hingga tiga peratus spesies dalam perdagangan iatu kehilangan baki 97 peratus.

Para penyelidik menyeru pengumpulan data yang seragam dan pelaporan yang lebih komprehensif, telus dan diselaraskan secara global, menekankan bahawa proses pemeriksaan kastam dan kesihatan sedia ada boleh disesuaikan untuk meningkatkan pemantauan perdagangan hidupan liar. - ©BERNAMA

Titik panas di Republik Indonesia turun kepada 96, kebakaran tanah gambut masih jadi cabaran

JAKARTA, 1 November. - Jumlah titik panas kebakaran hutan dan tanah di Republik Indonesia menurun kepada 96 berbanding 160 sehari sebelumnya, namun peningkatan titik panas di Kalimantan Tengah serta kebakaran yang berterusan di bawah permukaan tanah gambut masih menyukarkan usaha pemadaman.

Kementerian Perhutanan Indonesia memaklumkan bahawa jumlah titik panas dengan tahap keyakinan pengesanan yang tinggi di seluruh negara berkurangan sebanyak 64 setakat 9 malam Sabtu, namun Kalimantan Tengah mencatatkan peningkatan daripada 12 kepada 15 titik panas.

Daripada 96 titik panas yang dikesan di seluruh negara, sebanyak 19 direkodkan di enam wilayah, dengan 15 di Kalimantan Tengah, tiga di Sumatera Selatan dan satu di Kalimantan Selatan.

"Kalimantan Tengah kekal menjadi antara kawasan tumpuan utama dalam usaha mengawal kebakaran hutan dan tanah.

"Keadaan tanah gambut menyebabkan operasi pemadaman mengambil masa lebih lama kerana api boleh terus membara dan merebak di bawah permukaan tanah walaupun kebakaran di permukaan telah dipadamkan atau selepas hujan turun," menurut kementerian itu dalam kemas kini terbaharu yang dimuat naik di Instagram pada Ahad.

Kementerian itu turut memaklumkan bahawa Menteri Perhutanan Raja Juli Antoni telah meninjau kawasan yang sebelum ini terjejas akibat kebakaran di Kalimantan Tengah bagi menilai keadaan serta memastikan usaha pemantauan dan penguatkuasaan diteruskan.

Sebanyak 61 pesawat termasuk helikopter, masih dikerahkan bagi operasi memadamkan kebakaran, dengan 24 digunakan untuk rondaan udara dan pengubahsuaian cuaca, manakala 37 helikopter menjalankan operasi pemadaman.

Kementerian itu turut menggesa penduduk dan pihak perniagaan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka bagi tujuan pembersihan tanah serta segera melaporkan sebarang tanda asap atau kebakaran. - ©BERNAMA

6 maut dalam nahas helikopter di Uttarakhand India

NEW DELHI, 31 Okt. - Kesemua enam individu termasuk juruterbang maut dalam nahas helikopter di negeri Uttarakhand di utara Republik India pada Jumaat, kata pegawai, lapor Xinhua.

Helikopter itu terhempas berdekatan kampung Chayee berhampiran Joshimath di daerah Chamoli, kira-kira 290 kilometer (km) timur laut Dehradun, ibu kota Uttarakhand.

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Kemajuan Penerbangan Awam Uttarakhand Prateek Jain berkata helikopter itu berlepas dari Badrinath (bandar yang dikunjungi penganut Hindu) sekitar 1.14 tengah hari waktu tempatan ketika salji turun dan terputus hubungan berhampiran kawasan Hathi Parvat.

"Siasatan terperinci akan dijalankan untuk menentukan punca kemalangan, dan berdasarkan penemuan itu, keputusan akan dibuat mengenai bagaimana operasi ulang-alik (helikopter) dan sewa kereta akan diteruskan untuk baki musim ini," kata Jain.

Ketua Menteri Uttarakhand Pushkar Singh Dhami menzahirkan dukacita atas kehilangan nyawa dalam kemalangan itu. Dhami juga telah mengarahkan pegawai untuk menjalankan siasatan terperinci berhubung punca kemalangan. - ©BERNAMA

Kereta api laju langgar beruang tergelincir di Hokkaido, Jepun

HOKKAIDO, 31 Okt. - Sebuah kereta api yang menuju ke bandar Wakkanai di utara Hokkaido tergelincir selepas melanggar seekor beruang lewat Jumaat, menurut pengendali, lapor Kyodo News.

Tiada anak kapal atau 32 penumpang cedera.

Kereta api ekspres terhad pertama Sarobetsu empat gerabak tergelincir selepas perlanggaran itu sekitar 10.50 malam antara stesen Teshio-Nakagawa dan Toikambetsu, menurut JR Hokkaido.

Syarikat itu membatalkan semua perkhidmatan di bahagian 130 kilometer antara Wakkanai dan Otoineppu pada Sabtu.

Penumpang kereta api diangkut dengan teksi dari lokasi perlanggaran. - ©BERNAMA

PIALA CANSELOR WADAH MELAHIRKAN MAHASISWA BERILMU, BERDAYA SAING



YANG Mulia Pemangku Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis perasmian berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Sabtu, 31 Oktober. - Piala Canselor 2026 membuka tirainya hari ini menerusi Majlis Perasmian di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), menandakan bermulanya siri pertandingan sukan, keagamaan dan kebudayaan yang menghimpunkan penyertaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian berkenaan, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; dan Timbalan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Dr. Awang Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

UNISSA menjadi tuan rumah Piala Canselor pada tahun ini meneruskan penganjuran terdahulu oleh UTB pada 2021 dan UBD pada 2024.

Kejohanan berkenaan dianjurkan melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Pelajar UNISSA (MPP PPUNISSA) Sesi 2026/2027 dengan kerjasama MPP UBD, UTB dan KUPU SB.

Piala Canselor bertujuan mempererat silaturahim antara IPT, memupuk semangat kesukanan dan persaingan sihat, serta membentuk mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan-aluan oleh Pengerusi Piala Canselor 2026, Awang Ahmad Danieel bin Abdul Haniff, selaku Yang Dipertua Pelajar MPP PPUNISSA Sesi 2026/2027 antara lain menekankan bahawa Piala Canselor menjadi wadah untuk membentuk mahasiswa yang seimbang, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berakhlak mulia, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kecemerlangan akademik perlu diiringi dengan nilai kepimpinan, semangat kerjasama dan keupayaan menyumbang kepada masyarakat serta pembangunan negara.

Sehubungan itu, Awang Ahmad Danieel menyeru kepada para peserta agar mengamalkan semangat kesukanan, mengutamakan adab dan sikap saling menghormati, serta memanfaatkan kejohanan untuk mempererat silaturahim antara mahasiswa.

Acara kemuncak majlis ialah perasmian Piala Canselor 2026 oleh tetamu kehormat majlis, disusuli lafaz Ikrar Kesukanan oleh wakil MPP IPT awam dan swasta sebagai tanda komitmen menjunjung semangat kesukanan sepanjang kejohanan.

Sejurus selepas perasmian, kejohanan dimulakan dengan Pertandingan Kawad Pasukan Beruniform yang dikendalikan oleh UNISSA. Pertandingan berkenaan disertai oleh Pasukan Kadet Tentera dari UBD, UNISSA, UTB, KUPU SB dan Politeknik Brunei (PB).

Pasukan Kadet Tentera PB muncul johan, manakala Pasukan Kadet Tentera UTB meraih naib johan, sementara Pasukan Kadet Tentera KUPU SB menduduki tempat ketiga.

Piala Canselor 2026 berkenaan menghimpunkan pelajar daripada 12 IPT awam dan swasta yang akan bersaing dalam 22 acara pertandingan. Kejohanan berkenaan dijadualkan berlangsung sehingga April 2027.

Atlet NBD jalani latihan ringan menjelang pertandingan



PARA atlet menjalani sesi latihan ringan sebagai sebahagian daripada persiapan mereka yang bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka membiasakan diri dengan suasana persekitaran dan cuaca di Dakar.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

DAKAR, SENEGAL, Sabtu, 31 Oktober. - Rombongan kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4, 2026 di Dakar, memulakan program pada sebelah pagi baru-baru ini dengan pengambilan koleksi pakaian seragam kontinjen negara di bawah kerjasama antara Association of National Olympic Committee (ANOC) dengan jenama sukan PEAK (ANOC - PEAK Uniform Programme).

Sebanyak 10 jenis produk barangan sukan, iaitu satu set jaket dan seluar trek sukan, dua helai baju polo, tiga helai baju *round-neck,* dan tiga helai seluar pendek tajaan PEAK telah diserahkan kepada Chef de Mission (CDM), Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen.

Penyerahan barangan berkenaan turut disertai oleh Awang Danniel Chan Zhi Chen, atlet renang dan Dayang Lauren Emily Chua Yu Qing, atlet wusyu.

Kedua-dua atlet menjalani sesi latihan ringan sebagai sebahagian daripada persiapan mereka. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka membiasakan diri dengan suasana persekitaran dan cuaca di Dakar, di samping memastikan tahap kesiapsiagaan atlet berada pada tahap yang optimum menjelang hari pertandingan.

Para atlet memulakan latihan di Fitness Centre, Youth Olympic Village (YOV) dengan memperlihatkan kesediaan dan komitmen yang baik sepanjang menjalani latihan berkenaan. Kedua-dua jurulatih telah memberikan nasihat kepada atlet masing-masing untuk sentiasa berbekal botol air minuman untuk mengekalkan hidrasi mereka.

147 pasukan meriahkan cabaran Larian Sejarah Brunei 2026

Oleh : Nooratini Haji Abas

>> Muka 24

Tempat kedua membawa pulang hadiah wang tunai BND700.

Manakala tempat ketiga disandang oleh pasukan nombor bib CLSB 125 terdiri daripada Awang Ahmad Alween Mazanan, Awang Firdaus bin Mohammad Azizi dan Awang Muhamad Nur Abadi bin Mohd. Nizam dengan 40 markah dan catatan masa 1:59:02.

Tempat ketiga menerima hadiah wang tunai BND500.

Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2026 turut diselajurkan dengan Hari Terbuka Pusat Sejarah Brunei 2026 yang berlangsung selama tiga hari, bermula Jumaat, 30 Oktober hingga Ahad, 1 November 2026.

Pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan untuk kunjungan dan penyertaan orang ramai, antaranya seperti Pertandingan Pickleball Nakhoda Awang, pameran, e-sukan, persembahan nyanyian serta gerai jualan makanan dan minuman.

Pembukaan Rasmi Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

DAKAR, SENEGAL, Ahad, 1 November. - Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 (4th Youth Olympic Games 2026) telah diadakan Stade du Senegal Abdoulaye Wade, petang kelmarin.

Acara dimulakan dengan ketibaan Presiden Republik Senegal, Tuan Yang Terutama Bassirou Diomaye Faye, yang seterusnya menyempurnakan pengisytiharan rasmi pembukaan temasya Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026.

Kemudian acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada President Senegal Youth Olympic Games Organising Committee, Mamadou Diagna Ndiaye, diikuti ucapan oleh President of International Olympic Committee (IOC), Kirsty Coventry.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada enam orang, termasuk dua atlet iaitu Dayang Lauren Emily Chua daripada sukan wusyu dan Awang Danniel Chan daripada sukan renang, yang kedua-duanya diberi peluang dan kepercayaan sebagai pembawa Bendera NBD (*Flag Bearers*).

Kontinjen turut disertai oleh jurulatih-jurulatih dan pegawai urus setia serta diketuai oleh Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen selaku Chef de Mission NBD.

Terdahulu, pada sebelah pagi, latihan atlet diteruskan dan kedua-dua atlet berada dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk bertanding esok. Semua kontinjen juga diingatkan untuk memastikan tahap hidrasi badan terpelihara dengan minum air secukupnya.

Jadual perlawanan diadakan hari ini, Ahad, 1 November 2026, pukul 10.12 pagi bagi Wusyu Women's Taijishan Combined :Lauren Emily Chua dan pukul 10.30 pagi bagi Swimming Men's 200m Backstroke : Danniel Chan (PB 2:15.62s).



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen selaku Chef de Mission bergambar ramai di depan Athlete365 House di Dakar, Senegal.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

LSST TAIB 2026 LABUH TIRAI

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nurhafilah Pg. Osman

BERAKAS, Ahad, 1 November. - Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2026 yang diadakan bermula pada 9 Oktober 2026 menutup tirainya hari ini menerusi Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan menyaksikan perlawanan peringkat akhir bagi Kategori Liga Perdana antara Pasukan Bomba 'A' dan Muara Spurs 'B'.

Atur cara juga turut menyaksikan perlawanan persembahan daripada Pasukan Gabungan Brunei Darussalam dan Thailand.

Acara dilanjutkan dengan penyampaian hadiah, pingat dan piala pusingan Kejohanan LSST TAIB 2026 kepada pemain terbaik dan para pemenang.

Bagi Kategori Amatur, Tekong Terbaik disandang oleh AB 1362 Mohd. Faiz Farhan daripada Pasukan Bomba; Killer Terbaik disandang oleh Awang Muhammad Nur Faris Abdul Rahim daripada Pasukan Sengkurong 'A'; dan Feeder Terbaik disandang oleh AB 1480 Mohd. Norirfan daripada Pasukan Bomba.

Sementara johan dimenangi oleh Pasukan Bomba dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500, sebuah trofi dan pingat kemenangan; naib johan ialah Pasukan Sengkurong 'A' dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan; serta tempat ketiga bersama diraih oleh Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 'A' dan Pasukan Sengkurong 'B', dengan masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500, sebuah trofi serta pingat kemenangan.

Manakala, bagi Kategori Perdana, Tekong Terbaik disandang oleh Awang Mohd. Selamat bin Yaakub daripada Pasukan Muara Spurs 'B'; Killer Terbaik disandang oleh Awang Mohd. Noorazlan Rosli daripada Pasukan Muara Spurs 'B'; dan Feeder Terbaik disandang oleh AB 1075 Abdul Hadi Ariffin bin Haji Matali daripada Pasukan Bomba 'A'.

Sementara johan diraih oleh Pasukan Muara Spurs 'B' dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND5,000, piala pusingan, trofi dan pingat kemenangan; naib johan ialah Pasukan Bomba 'A' dengan membawa pulang BND3,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan; dan tempat ketiga dimenangi bersama oleh Pasukan Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei 'B' dan Pasukan Bomba 'B', dengan masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan serta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama kejohanan.

Edisi LSST TAIB pada tahun ini menampilkan sebanyak 40 pasukan terbaik yang berentap merebut gelaran juara dalam kejohanan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Perbadanan TAIB.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB 2026 yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Penganjuran kejohanan LSST kali keempat ini turut mempertandingkan sebanyak dua acara, iaitu Liga Perdana dengan 12 pasukan dan Liga Amatur dengan 28 pasukan.

Matlamat utama kejohanan ini adalah untuk mencari bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan ke dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan.

Seterusnya sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai untuk berkecimpung dalam Sukan Sepak Takraw, serta sebagai 'Whole-of-Nation Approach' iaitu penglibatan beberapa agensi untuk memainkan peranan masing-masing dalam membawa warga menuju budaya hidup sihat, di samping menghidupkan semula sukan tradisional Sepak Takraw yang telah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan pelepasan larian berkenaan. Turut hadir, isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

147 pasukan meriahkan cabaran Larian Sejarah Brunei 2026

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Syarikat RYS Entertainment, DinkinLobsters Pickleball Club dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) disokong oleh KKBS bersama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pagi tadi menganjurkan Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2026 (Brunei History Race Challenge 2026).

Program tersebut berlangsung di PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelepasan larian ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Mahayon binti Haji Mohd. Taha; serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari KKBS.

Program Cabaran Larian Sejarah Brunei merupakan salah satu projek utama PSB yang dianjurkan setiap dua tahun sekali dan pada tahun ini memasuki penganjuran kali keempat.

Berkonsepkan 'Knowledge, Healthy Lifestyle and Fun', program tersebut mula diperkenalkan pada tahun 2019 sempena pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia 2019.

Program ini turut menerima Anugerah Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) pada 17 Disember 2019 di Tunisia.

Program antara lain bertujuan untuk melestarikan sejarah, warisan dan seni bina Islam di Bandar Seri Begawan, meningkatkan kesedaran generasi muda tentang kepentingan sejarah tanah air, mendukung konsep Melayu Islam Beraja (MIB) serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui sukan dan riadah.

Dengan bertemakan 'Belajar Sejarah Inspirasi Masa Depan', program kali ini disertai oleh 147 pasukan dengan jumlah keseluruhan peserta sebanyak 441 orang, iaitu setiap pasukan dianggotai seramai tiga peserta.

Format cabaran larian berkonsepkan 'Amazing Race' yang mengandungi soalan pembayang dan halangan yang menumpukan kepada monumen dan tapak besejarah yang terdapat di Bandar Seri Begawan.

Kumpulan yang mengumpul markah tertinggi akan dikira sebagai pemenang.

Pasukan nombor bib CLSB 004 dianggotai oleh Awang Mohd. Ariffin bin Ali Hashim, Awang Mohd. Asri bin Ali Hashim dan Awang Mohd. Hasrimi bin Ali Hashim muncul juara dengan kutipan 40 markah dan catatan masa 1:56:29.

Juara menerima hadiah wang tunai BND1,000.

Sementara tempat kedua ialah pasukan nombor bib CLSB 087 dianggotai oleh Awang Helmi bin Haji Mohd. Imran, Awang Ruslani bin Haji Mohd. Imran dan Awang Muhammad Aryan Rizqin bin Ruslani dengan markah terkumpul sebanyak 40 markah dan catatan masa 1:58:06.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PATUHI PERATURAN-PERATURAN MEMANDU DI JALAN RAYA